



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL KETIGA

*Third Session*

**Jilid III Bil. 11**

**Hari Isnin**

**9hb Ogos, 1993**

#### KANDUNGAN

##### MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Johari  
T.B. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin (Ruangan 1)

##### PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Ruangan 1)

##### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 2)

##### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembetungan 1993 (Ruangan 43)

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1993 (Ruangan 80)

Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa  
(Pindaan) 1993 (Ruangan 90)

Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan  
(Pindaan) 1993 (Ruangan 101)

Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan Labuan  
(Pindaan Ordinan Kesihatan Awam) 1993. (Ruangan 105)

Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan Labuan  
(Pindaan Ordinan Kerajaan Tempatan) 1993 (Ruangan 107)

##### USUL:

Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 119)

##### UCAPAN PENANGGUHAN:

Rumah-rumah yang gub-standard — Masalah yang  
dihadapi oleh pembeli-pembeli  
- Y.B. Puan Sri Sarasa Pasamanickam (Ruangan 119)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

Isnin, 9hb Ogos, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Dato' Zainal Abidin bin Johari
2. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****UNIT KHIDMAT NASIHAT - STRATEGI**

**1. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal pengguna menyatakan:-

- (a) sejauh manakah keberkesanan Unit Khidmat Nasihat Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang mengaut keuntungan dan melanggar undang-undang; dan
- (b) apakah strategi yang telah digunakan untuk orang ramai bagi mengetahui unit ini.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab soalan:

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menubuhkan Unit Khidmat Nasihat pada 19.5.1993 di Bahagian Penguatkuasa. Tujuan Unit ini ditubuhkan ialah bagi memberi penerangan, nasihat dan tunjuk ajar kepada orang ramai dan para peniaga berikutan berkuatkuasanya empat undang-undang baru mulai 1hb Jun, 1993 iaitu Akta Jualan Langsung (Peraturan-peraturan Perihal Dagangan) (Harga Jualan Murah) (Pindaan), Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh penjual runcit) dan Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh pekilang, Pengimport. Pengeluar atau Penjual Borong) (Pindaan) 1993.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Unit ini hanya beroperasi menjawab sebarang kemusykilan, sama ada melalui telefon atau secara terus. Sebelum pegawai-pegawai tertentu ditempatkan ke Unit ini, mereka telah diberi penerangan dan tunjuk ajar secukupnya bagi mengendalikan pertanyaan-pertanyaan yang mungkin ditimbulkan berhubung dengan pelaksanaan dan peruntukan undang-undang yang baru dikuatkuasakan.

Tindakan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap peniaga-peniaga yang melakukan kesalahan dibuat oleh pegawai-pegawai lain dari Bahagian Penguatkuasa. Sejak unit ini beroperasi sehingga ia diberhentikan pada 30.6.93 sebanyak 739 pertanyaan dari orangramai dan pihak-pihak berkepentingan telah diterima. Secara keseluruhannya unit ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu telah dapat menyelesaikan dan menjelaskan kemusykilan yang dihadapi oleh para peniaga terutamanya dalam melaksanakan undang-undang ini.

- (b) Sebelum dan semasa unit ini wujud, publisiti yang meluas telah dibuat melalui media masa dan media elektronik mengenai objektif ianya ditubuhkan berserta dengan maklumat-maklumat lain yang berkenaan seperti alamat dan nombor telefon bagi memudahkan orangramai dan para peniaga berurusan. Salain daripada itu hebahan juga dibuat kepada persatuan-persatuan pengguna dan persatuan-persatuan perniagaan. Dari jumlah pertanyaan yang diterima, strategi ini telah berjaya menimbulkan minat yang ramai daripada orangramai dan juga para peniaga.

**ANGGOTA TENTERA - PERATUS PEMBERHENTIAN/PERSARAAN**

2. **Puan Hajah Habahah binti Haji Osman** minta Menteri Pertahanan menyatakan peratus pemberhentian/persaraan anggota tentera secara sukarela yang terkini memandangkan negara sudah aman dan perkembangan akonomi yang memberangsangkan di dunia luar pasti akan memberi tarikan kepada anggota tentera untuk mencebur diri dalam profesion awam.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, peratus pemberhentian/persaraan anggota tentera secara sukarela mulai Januari 1993 hingga Jun 1993 ialah 2.12% bagi pegawai dan 2.24% bagi lain-lain pangkat iaitu seperti berikut:-

	<b>Pegawai</b>	<b>Lain-lain Pangkat</b>
Bersara wajib	35	
Bersara awal/Pilihan	46	
Tamat tempoh perkhidmatan.	81	1,403
Tamat tempoh perkhidmatan (dengan tidak bersara)	-	825
<b>Jumlah</b>	<b>162</b>	<b>2,228</b>

Kementerian Pertahanan telah mengenal pasti di antara beberapa sebab pemberhentian anggota tentera adalah kerana:-

- (1) mendapat tawaran yang lebih baik dari saktor swasta atau lain-lain tempat;
- (2) ingin berdikari dengan menjalankan perniagaan., bertani dan juga membuka bengkel sendiri.

**Puan Hajah Habshah biati Haji Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jumlah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kalau tidak silap, saya kira di sini ialah 2,390 bagi kedua-dua jawatan awam dan juga pegawai. Nampaknya begitu ramailah tentera kita yang telah memilih jawatan luar daripada ketenteraan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk membuatkan sesuatu yang akan menarik minat tentera-tentera ini untuk kekal di dalam kerja ketenteraan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat daripada angka yang saya sebutkan tadi hanya 2.12% bagi pegawai dan 2.24% bagi lain-lain pangkat. Jadi, jumlah ini kecil iaitu hanya 2% dan ia tidak membimbangkan Kementerian Pertahanan ataupun Angkatan Tentera. Dan sentiasa ada pilihan bagi sesiapa juga untuk menceburkan diri mereka dalam apa bidang yang mereka minat.



Jadi soal untuk menarik minat orangramai untuk rnenyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ini, itu adalah perkara yang berbeza. Itu kita mempunyai cara-cara tartentu untuk menarik minat ini seperti memerhatikan tentang kemudahan yang kita boleh berikan dan mengadakan kempen kepada orangramai tentang karier di dalam angkatan tentera ini. Itu menjelaskan kepada orangramai. Tetapi itu perkara yang berbeza.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah perajurit-perajurit yang telah berhenti atau akan berhenti, ini telah dirancang oleh Kementerian Pertahanan kursus-kursus yang hendak dilaksanakan atau yang hendak diceburi oleh mereka yang akan berhenti atau yang telah berhenti.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kementerian pertahanan menyediakan satu rangka rancangan untuk menyediakan anggota tentera kita ini supaya mereka dapat memasuki kehidupan awam dengan sempurna. Pertama sekali, peringkat yang awal semasa mereka bertugas, Ini kita berikan mereka latihan umpamanya. latihan atau kursus-kursus kemahiran dan juga ada yang sampai kepada peringkat ijazah, diploma dan peringkat pengajian tinggi. Itu di dalam perkhidmatan.

Setelah kita tahu mereka akan bersara, kita juga menyediakan mereka kursus-kursus peralihan. Kursus peralihan ini di antara tiga hingga ke enam bulan yang mana mereka diberikan kemahiran tertentu.

Yang ketiganya latihan-latihan yang khusus iaitu di Institut Kemahiran Kementah di Sungai Buluh yang mana mereka ini dilatih di dalam bidang kemahiran seperti tukang paip, membaiki kereta motor dan juga membaiki televisen dan sebagainya, dan juga kerja-kerja pemborong binaan.

Yang keempat, kita juga menyediakan satu kursus untuk mereka yang hendak jadi usahawan peringkat pertama tahun ini telah dilancarkan iaitu kursus ini diadakan di Institut Teknologi Tun Abdul Razak., Ini khusus untuk anggota kita yang ingin menjadi usahawan. Yang tadi untuk mereka yang ingin mengerjakan perusahaan sendiri.

**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakan Kementerian bercadang menaikkan gaji atau elaun berbanding dengan kos kehidupan yang semakin hari semakin tinggi. Sekiranya ada sebutkan dari tahun 1990 hingga sekarang kadarnya.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini akan diselaraskan dengan lain-lain perkhidmatan di dalam perkhidmatan Kerajaan. Misalnya setiap kali anggota-anggota lain dalam perkhidmatan awam mendapat semakan kenaikan gaji, anggota tentera juga akan dapat menikmati kenaikan gaji sama seperti anggota-anggota perkhidmatan yang lain. Begitu juga dengan syarat-syarat perkhidmatan umpamanya elaun perumahan dan elaun-elaun perkhidmatan yang lain; akan disemak dari masa kesemasa mengikut keadaan elaun perkhidmatan awam yang lain.

**NELAYAN ASING - BILANGAN PENCEROBOHAN**

**3. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa ramai nelayan-nelayan asing yang menceroboh menangkap ikan ke negara kita dan dari negara mana mereka-mereka **ini**.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan nelayan asing yang menceroboh menangkap ikan di perairan negara ialah seramai 606 nelayan dari 85 vesel sehingga **Julai** 1993 berbanding dengan 630 nelayan dari 96 vesel pada tahun 1992. Nelayan-nelayan berkenaan kebanyakannya adalah dari negara Thailand, Indonesia dan Vietnam.

**Tuan Saidin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah rundingan di peringkat antarabangsa diadakan terutama dengan negara-negara jiran bagi membanteraskan pencerobohan menangkap ikan, semoga semangat harmoni negara jiran terus meningkat dan keamanan di rantau ini akan terus terjamin.

**Dato' S. Sabramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan khasnya melalui Kementerian Luar Negeri mengadakan perundingan-perundingan dan perkara ini telah menjadi salah satu tajuk yang dibincang dalam jawatankuasa-jawatankuasa tertentu dan juga di antara pemimpin-pemimpin negara kita dengan pemimpin-pemimpin negara yang terlibat dalam perkara **ini**.

Walaupun perbincangan ini telah diadakan dan perhubungan kita dengan negara-negara jiran atau dengan negara-negara di mana nelayan dan bot asing kena tangkap adalah baik, tetapi pencerobohan menangkap ikan di dalam perairan kita masih berlaku dan ini dianggap sebagai satu masalah yang perlu diteruskan kawalannya dari segi Jabatan Perikanan kita.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian atau langkah-langkah yang berkesan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi atau mencegah masalah ini pada masa yang akan datang?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, bot-bot yang ditangkap itu dirampas oleh Jabatan Perikanan dan bot ini dijual untuk mengutip sedikit-sebanyak revenue bagi Kerajaan.

Nelayan-nelayan yang ditangkap dari negara-negara asing pula dibawa ke mahkamah dan didenda atau/dan dipenjarakan, tangkapan ikan yang terdapat dalam bot-bot ini juga dirampas dan dilelong oleh Kerajaan.

Dari segi penguatkuasaan maritim, Jabatan Perikanan telahpun menambahkan bilangan bot ronda. Kita mempunyai lebih kurang 77 buah bot ronda untuk menjalankan rondaan dan bilangan pegawai pun telah dari masa ke semasa ditambahkan sehingga mempunyai lebih kurang 400 orang bilangan anggota dalam Jabatan Perikanan.

Selain daripada kawalan yang dijalankan oleh pihak Merin Polis, TLDM yang menjalankan kawalan dari udara dan kita juga mengikut Jawatankuasa Maritim Kabangsaan di bawah Majlis Keselamatan Negara yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan.

**Datuk Haji Ahmad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kita dengar nelayan-nelayan asing sentiasa sahaja datang menceroboh pantai kita untuk menangkap ikan,

Saya ingin tahu daripada Kementerian, adakah ikan-ikan daripada negara kita ini terlalu sedap dan pantai-pantai negara asing itu tidak ada ikan? Itu sahaja yang saya hendak tanya sedikit.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ikan-ikan yang ditangkap dalam perairan laut kita tentu sedap [Ketawa] sehingga kita eskport banyak ke negara-negara asing, tetapi nelayan-nelayan asing yang menangkap ikan itu mereka tidak kira dari segi sedap atau tidak sedap ikan itu, asalkan mereka boleh menjual ikan itu dan mereka cuba datang ke perairan kita untuk menangkap ikan.

Satu masalah lagi ialah keluasan pantai kita, coast line negara kita begitu luas dan begitu panjang sehingga kawalan juga menjadi masalah, walaupun beberapa pihak selain daripada Jabatan Perikanan terlibat dalam pengawalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi Datuk Haji Ahmad puas hati? Adakah maksudnya ikan duyong?

Yang Berhormat Tuan Michael Boon Thiam Joon.

**Tuan Frankie Chong Yu Chee:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan yang ke 4.

**BEKALAK ELEKTRIK - PUNCA GANGGUAN**

**4. Tuan Trankie Chong Yu Chee [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab mengapa kerap kali berlaku gangguan elektrik yang menyebabkan kesusahan kepada surirumah dan juga pihak-pihak swasta yang menjalankan aktiviti untuk membangunkan negara dan jika kekurangan janakuasa adakah Kementerian bercadang untuk membeli dan mendirikan lebih banyak janakuasa elektrik di tempat-tempat di seluruh Malaysia.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' , Seri S, Samy Vellu]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara sebab-sebab gangguan bekalan elektrik ialah:

- (i) Cuaca buruk mengakibatkan pokok-pokok tumbang atau dahan-dahan patah dan jatuh ke atas talian-talian penghantaran atau pengagihan;
- (ii)** petir yang menyebabkan kerosakan kepada peralatan bekalan elektrik;
- (iii) kerosakan akibat dari kecuaiian pihak ketiga seperti kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam kerja-kerja mengorek;
- (iv) kerosakan peralatan biasa; dan
- (v) kerja-kerja penyelenggaraan berjadual dan utiliti tidak mempunyai keupayaan penjanaan yang mencukupi bagi mengimbangkan permintaan dengan pembekalan. elektrik apabila berlaku permintaan luar jangka dan kerosakan besar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Kerajaan telah mengambil beberapa

langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

- (1) Menambahkan keupayaan, penjanaan dengan pelaksanaan projek-projek berikut:
  - (i) 10x30 megawatt yang akan beroperasi pada bulan Ogos dan September tahun ini;
  - (ii) 1,000 megawatt secara fast track yang akan beroperasi sebelum pertengahan tahun 1994;
  - (iii) 1,830 megawatt oleh pengeluar kuasa bebas yang akan beroperasi pada pertengahan tahun 1996.
  - (iv) 650 megawatt oleh pengeluar kuasa bebas pada pertengahan tahun 1997;
  - (v) mempercepatkan kerja-kerja pengubahsuaian ke atas set-set janakuasa TNB yang lama;
  - (vi) menggalakkan demand site management; dan
  - (vii) meningkatkan kesedaran pengguna supaya lebih peka terhadap penggunaan peralatan yang lebih cekap.
- (2) Penubuhan Pasukan Petugas bersama di antara sektor awam dan swasta mengenai gangguan bekalan elektrik;
- (3) Melaksanakan skim insentif untuk menggalakkan pengguna-pengguna industri tersebut; dan
- (4) Memindahkan sebahagian permintaan puncak mereka keluar waktu puncak dan mengelakkan pembaziran dan telah memperkenalkan satu skim diskaun untuk menggalakkan pengguna-pengguna yang mempunyai set-set janakuasa tunggusedia untuk menggunakannya pada waktu permintaan puncak.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah pula Kerajaan, telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan elektrik seperti berikut:

- (i) menyenggara dan memperbaiki set-set janakuasa yang sedia ada;
- (ii) merancang projek-projek yang dapat menambah keupayaan penjanaan Lembaga Letrik Sabah dengan segera seperti pemulihan set turbine volt berkeupayaan 15 megawatt di Labuan yang akan dimulutugas pada tahun 1994 dan pemasangan set diesel 2x20 megawatt di stesen janakuasa Melawa yang dijangka siap pada tahun 1995.
- (iii) projek-projek jangka panjang termasuk pembinaan 2 projek hidro iaitu Serudong 34 megawatt dan Lwagu 165 megawatt.

**Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di atas sebab-sebab yang telah diberi oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tadi, berapakah kerugian yang telah dialami oleh Kementerian?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti penjelasan yang diberi oleh Tenaga Nasional Berhad, saya percaya lebih dari RM250 juta dialami oleh pihak TNB, dan kita dapat tahu daripada pihak swasta pula sebanyak RM250 juta dan dijangka lebih kurang RM500 juta telah hilang oleh kerana kita telah mengalami masalah pembekalan elektrik.



**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah kepada TNB kerana selepas penswastaaan harga saham pun sudah naik sehingga RM11. Saya hendak mencadangkan kepada Kementerian, adakah Kementerian bercadang untuk memperolehi kakitangan untuk menjaga bilik operasi kecemasan selepas pukul 11.00 malam supaya pengguna tidak terganggu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pihak pekerja-pekerja dan juga pegawai-pegawai TNB sedang bekerja 24 jam. dan mereka mempunyai pengalaman. Masalahnya bukanlah pekerja, masalahnya ialah pembekalan oleh kerana pada satu masa yang lalu kita tidak mengadakan anggaran pembekalan, apakah permintaan daripada pihak swasta. Walaupun kita anggar iaitu lebih kurang 10% tiap-tiap tahun kita dapat tambahan permohonan, tetapi ini telah naik kepada 18% oleh kerana Kerajaan telah meluluskan banyak industri-industri dan permintaan itu menjadi lebih tinggi. Oleh kerana itu, kita mempunyai masalah.

Saya percaya dalam tempoh tiga atau empat bulan lagi kita boleh mengatasi masalah untuk bahagian pertama. Bagi bahagian kedua, kita akan menghadapi masalah lagi dalam bulan Jun, 1995. Kementerian telah mengambil keputusan untuk memberi lesen kepada satu lagi syarikat swasta untuk menjanakuasa 440 megawatt sebelum bulan Jun, 1995, Dengan itu saya percaya masalah kita boleh selesai. Selepas tahun 1995 dan 1996, kita akan mengadakan lebih daripada 35%

simpanan (spinning reserves) dan saya percaya kita tidak akan menghadapi masalah lagi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kita dengar TNB banyak untung. Bolehkah bayaran elektrik kepada rakyat yang miskin dikurangkan?

**Dato' Seri. S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, bila syarikat dapat untung, kita mahu harganya dikurangkan tetapi bila syarikat rugi kita tidak mahu bayar lebih. Saya tidak tahu apa style itu. TNB ada juga memperolehi keuntungan lebih daripada RM1.4 bilion tetapi TNB kena menanam modal lebih kurang RM10 bilion untuk tahun 1995, 1996 dan 1997. Kalau rakyat jelata bersetuju untuk membayar lebih apabila TNB perlukan duit lebih, maka bolehlah diadakan satu sistem seperti itu. Jikalau tidak, saya percaya ini susah. Sekarang pun sudah ada permintaan untuk menaikkan kadar elektrik tetapi saya tidak memberikan kelulusan untuk menaikkan tarif. Oleh kerana Kerajaan telah memutuskan iaitu kita tidak boleh menaikkan tarif elektrik lagi oleh kerana kita telah mengadakan banyak masalah, dan dengan masalah ini kita janganlah memberikan masalah pula kepada rakyat jelata.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepada kawasan pendalaman dan juga kawasan-kawasan luar bandar mereka membayar yang paling rendah sekali daripada pengguna-pengguna lain.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tarif?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Wan Hamid Edruce,

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No.5.

**HOSPITAL - PENGAWALAN KEBAKARAN**

**5. Puan Hajah Zaleha binti Hussin [di bawah S.O. 23(2)]** Minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah keselamatan oleh Kementerian beliau untuk mengetatkan lagi kawalan keselamatan kebakaran bagi seluruh bangunan hospital di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sewajarnya telah dan sedang diambil bagi memastikan keselamatan kebakaran di hospital-hospital seluruh negara. Setiap tahun, Kementerian Kesihatan membelanjakan sebahagian dari peruntukan yang diberi untuk menyelenggarakan sistem pencegahan kebakaran di hospital-hospital termasuk mempertingkatkan taraf peralatan-peralatan yang berkenaan mengikut kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBEL).

Sejumlah RM25 juta telah pun dipohon daripada Perbendaharaan untuk mempertingkatkan lagi taraf sistem pencegahan kebakaran di hospital-hospital yang sedia ada untuk jangka masa tiga tahun. Kesemua hospital-hospital baru yang sedang dan akan dibina telah direkabentuk menggunakan teknologi terkini bagi sistem pencegahan kebakaran agar menepati kehendak-kehendak Akta tersebut,

Hospital-hospital juga telah diarahkan untuk menjalankan kawad kebakaran bagi memahirkan kakitangan dengan tindakan yang harus diambil sekiranya berlaku kebakaran. Garis panduan mengenai keselamatan kebakaran di hospital telah pun diedarkan kepada semua hospital di seluruh negara.

**KEBOCORAN SOALAN SPM/STPM - KAWALAN**

**6. Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Deros** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kebocoran kertas-kertas soalan dalam peperiksaan seperti SPM dan STPM tidak akan berlaku lagi dan nyatakan langkah-langkah positif ke arah tercapainya keselamatan semua kertas-kertas soalan yang diuruskan oleh Lembaga Peperiksaan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan amat peka dengan kes-kes kebocoran kertas soalan peperiksaan dari telah pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasinya. Di antara langkah-langkah yang telah diambil meliputi aspek keselamatan fizikal seperti membina lebih banyak bilik kebal, memperbaiki prosedur percetakan dan pengurusan kertas soalan dari pusat ke negeri-negeri dan seterusnya ke sekolah.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, mengapakah soalan-soalan yang ada sekarang ini kerap kali kebocoran; kalau dibandingkan dengan beberapa tahun yang silam, payah kita hendak jumpa. Di mana silapnya, adakah kerana kesalahan pihak Kementerian Pendidikan atau pun pegawai-pegawai yang menjaga tentang soalan-soalan?

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes kebocoran yang berlaku pada tahun yang sudah, ini bukanlah oleh kerana kelemahan di Kementerian Pendidikan sendiri tetapi didapati dalam prosedur percetakan yang telah diswastakan

oleh syarikat tertentu di mana masalah telah timbul. Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan pihak yang tertentu supaya masalah-masalah seperti itu tidak akan timbul lagi.

#### MOTOSIKAL - PEMASANGAN LAMPU SIANG HARI

7. **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perlu dikaji semula pemasangan lampu motosikal dan lori di sebelah siang hari kerana terdapat sungutan daripada pembawa-pembawa motosikal dan lori akan kerosakan yang mereka alami pada kenderaan mereka.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, pemasangan lampu motosikal pada waktu siang hari telah dikuatkuasakan pada 1hb September, 1992. Peraturan ini tidak pernah dikenakan kepada lori-lori. Pelaksanaan dari peraturan ini telah menunjukkan kesan yang amat menggalakkan di mana kadar peratus kemalangan yang melibatkan motosikal menurun. Perbandingan adalah dibuat mengikut jumlah kemalangan motosikal dan pertambahan motosikal yang didaftarkan.

Pada bulan September, 1992 peraturan ini mula dikuatkuasakan, peratus kemalangan adalah 1% dan pada bulan Disember, 1992 menurun kepada 0.8%. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat penurunan peratus kemalangan.

Mengenai sungutan dari tuan punya motosikal akan kerosakan yang mereka alami ke atas motosikal mereka, adalah tidak begitu kritikal kalau dibandingkan dengan risiko kemalangan yang mereka akan hadapi tanpa memasang lampu tersebut. Buat masa ini peraturan ini adalah dianggap baik dan perlu dilaksanakan.

**PELABUR TEMPATAN - NILAI MODAL DI LUAR NEGERI**

**8. Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah jumlah modal pelaburan daripada pelabur-pelabur Malaysia yang telah ditarik keluar dari negara pada tahun 1992 dan setengah tahun pertama 1993; dan
- (b) jika keadaan ini berterusan, adakah ianya akan menjejaskan usaha negara untuk mencapai Wawasan 2020.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Sabramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) adalah sukar untuk memastikan dengan tepat akan jumlah pelaburan rakyat Malaysia di luar negeri. Ini adalah kerana ada di antara projek-projek berkenaan tidak pernah melalui. Kementerian saya, terutamanya jikalau projek-projek berkenaan melalui negara-negara ketiga. Walau bagaimana pun, berdasarkan angka-angka 'remittance', dengan izin, yang terkini diperolehi dari Bank Negara Malaysia, butir-butir pelaburan terus rakyat Malaysia keluar negeri bagi tahun 1992 ialah RM823 juta berbanding dengan RM649 juta bagi tahun 1991.

- (b) Peningkatan pelaburan rakyat Malaysia keluar negara adalah tidak bertentangan dengan hasrat mencapai matlamat Wawasan 2020 supaya Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian sepenuhnya. Malah dasar ini adalah pelengkap kepada proses pembangunan perindustrian negara di dalam jangka panjang. Kerajaan percaya melalui strategi ini syarikat-syarikat Malaysia akan mendapat 'foothold', dengan izin, di dalam pasaran antarabangsa. Di samping itu, dengan peningkatan di dalam perindustrian negara, mana-mana operasi syarikat Malaysia yang tidak lagi kompetitif dijalankan di negara ini, dapat dilokasikan ke negara-negara yang mempunyai kos pengeluaran yang lebih rendah, untuk membolehkan syarikat-syarikat ini terus bersaing dan berdaya maju.

Pengalaman negara-negara maju dan Negara Perindustrian Baru (NICs) seperti Jepun, Korea, Taiwan dan Hong Kong yang mengamalkan strategi yang serupa telah membawa kemakmuran dan pembangunan negara masing-masing. Namunpun begitu, prihatin tentang perlunya strategi ini dapat menyumbangkan kepada pembangunan perindustrian negara, Kerajaan telah menyediakan insentif cukai bagi menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia membawa balik keuntungan ke negara ini agar faedah-faedah pelaburan dapat dinikmati bersama oleh rakyat Malaysia.

**UNIT TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA -  
FUNGSI DAN MATLAMAT**

**9. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) fungsi dan matlamat Unit Taman Teknologi Malaysia;
- (b) adakah Kerajaan puas hati dengan pencapaian unit tersebut sejak ianya ditubuhkan; dan
- (c) adakah kemungkinan perkhidmatan yang diberi oleh unit ini mengulangi usaha yang dijalankan oleh SIRIM seperti program inkubator.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang. Berhormat, Taman Teknologi Malaysia (TTM) ialah suatu projek Rancangan Malaysia Kelima yang bertujuan untuk mewujudkan industri teknologi tinggi Malaysia. Peranan TTM ialah untuk menyediakan fasiliti infrastruktur seperti tanah, ruang bangunan, kemudahan alat-alat mesin dan khidmat bantuan perniagaan.

Dalam memainkan peranan ini, TTM akan memberi tumpuan khas kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh industri tempatan di sektor teknologi



tinggi. Pelbagai perkhidmatan diberi untuk membantu meningkat pencapaian dan kemajuan industri tempatan.

- (b) Kerajaan berpuashati dengan pencapaian Unit ini sejak ianya ditubuhkan. Tugas-tugas untuk merancang dan membina kampus atau Taman baru di Bukit Jalil, Wilayah persekutuan telah berjalan dengan baik. Pihak ITM telah menyediakan Pelan Induk yang sudahpun diluluskan oleh Kerajaan. Kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan dan kampus baru dijangka siap seperti dijadualkan iaitu kira-kira pada pertengahan tahun 1995.
- (c) Memang tidak ada sebarang pertindihan kemudahan perkhidmatan yang diberi oleh TTM dan SIRIM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program inkubator adalah fasiliti yang menyediakan kemudahan seperti ruang pejabat, khidmat bantuan perniagaan termasuk khidmat modal, pemasaran dan juga pengurusan. Objektif utama program inkubator ialah untuk membantu syarikat-syarikat hitec kecil yang menumpukan aktiviti software inovasi, khususnya syarikat-syarikat yang baru ditubuhkan, supaya dapat wujud dan berkembang semasa tempoh permulaan di masa mereka menghadapi kesulitan kewangan.

**ISU BOSNIA-HERZEGOVINA - KEGAGALAN PERTUBUHAN  
BANGSA-BANGSA BERSATU MENYELESAIKAN MASALAH**

**10. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia bercadang untuk mengemukakan satu usul di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu di New York supaya membubarkan sahaja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini kerana gagal dalam tindakan untuk menyelesaikan masalah di Bosnia-Herzegovina yang jelas penghapusan etnik oleh puak pengganas Serbia terhadap umat Islam yang sebelum ini hidup rukun aman dan damai di antara rakyat keturunan Serbia dan Croatia semasa di dalam Republik Yugoslavia di Bosnia itu melanggar atika kemanusiaan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak bercadang untuk mengemukakan usul supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dibubarkan kerana kita tidak yakin tindakan sedemikian boleh membawa sebarang penyelesaian kepada isu Bosnia-Herzegovina.

Walau bagaimanapun, Malaysia akan terus berusaha membantu mencari penyelesaian menerusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan akan terus membuat tekanan kepada badaa dunia ini supaya mengambil langkah-langkah konkrit dan konstruktif untuk menyelesaikan isu Bosnia ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, benarkah. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini hanya mengikut telunjuk Amerika? Dan sebarang negara-negara asing yang begitu ramai tidak terdaya. melawan kuasa Amerika dalam Bangsa-bangsa Bersatu. Kalau kita melihat masalah Bosnia ini sekarang, kalau ini juga caranya dengan menyuarakan sehingga kita hendak menghantar tentera menolong orang Islam pun hendak tunggu arahan dari Ban sa-bangsa Bersatu, lama-lama rakyat Bosnia akan habis. Bila telah habis barulah kita kata: "Habislah"!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa soalnya Datuk?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Soalnya, benarkah Bangsa-bangsa Bersatu ini di bawah telunjuk Amerika dan kita tidak terdaya melawan kekuatan dan kehendak-kehendak Amerika?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, umumnya begitulah. [Ketawa]

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah usaha-usaha dibuat oleh Kerajaan untuk membatalkan kuasa-kuasa veto di dalam Majlis Kaselamatan bangsa-bangsa Bersatu itu?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-pertua, memang. Malaysia telah pun banyak kali menyuarakan agar kuasa veto ini dihapuskan oleh kerana relevensinya telah tidak ada selepas Perang Dunia Kedua. Tetapi, malangnya kini pengaruh kita yang menentang di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu masih lagi di kalangan agak minimum, kalau dibandingkan dengan lain-lain negara. Kita perlu mendapat sokongan yang lebih banyak dari lain-lain anggota PBB agar satu hari kelak, kuasa veto ini dapat dibatalkan sama sekali.

**Tuan Saidin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dengan perletakan dua orang anggota daripada Amerika berhubung dengan penyiasatan di Bosnia akan memberi kesan positif kepada ke arah penyelesaian Bosnia?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bukan dua orang Amerika, satu daripada Amerika Syarikat dan satu daripada Great Britain untuk menjadi orang yang hendak menyelesaikan masalah Bosnia-Herzegovina.

Walaupun kita tidak puas hati kepada sikap negara-negara Barat tentang keadaan di Bosnia-Herzegovina, tetapi sekurang-kurangnya Amerika Syarikat telah pun menunjukkan pendirian mereka yang mahu dan sanggup menghantarkan kapalterbang mereka untuk mengawasi keselamatan sekurang-kurangnya di kawasan selamat ataupun 'safe haven', tetapi malangnya mereka tidak dapat mengambil tindakan secara persendirian oleh kerana pihak Eropah menentang. Itulah sebab mengapa kita hairan bagaimana sebuah negara seperti Amerika Syarikat yang dianggap sebagai satu 'super power' jadi macam 'pak turut' kepada kehendak pihak Eropah. Kita menekankan dan kita mendesak supaya negara Amerika Syarikat lebih bertegas dan mengambil tindakan yang mereka fikirkan baik dan molek dibuat untuk kita menghapuskan sekali gus masalah di Bosnia-Herzegovina.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai.

**Tuan Shuib bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan yang kesebelas.

**TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1994 - JUMLAH PERBELANJAAN  
KERAJAAN DAN SWASTA**

**11. Tuan Shuib bin Endut [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) berapakah perbelanjaan Kerajaan dan swasta untuk menjayakan "Visit Malaysia Year 1994" dan apakah matlamat dasar tersebut dari segi jumlah pelancongan yang diharapkan dalam tahun 1994 dan dari segi jumlah pendapatan kepada industri pelancongan negara bagi tahun tersebut berbanding dengan 1990; dan

- (b) apakah kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan khususnya dari segi mendapat kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kaman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini perbelanjaan Kerajaan yang telah diperuntukkan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk melaksanakan program-program Tahun Melawat Malaysia 1994 bagi tahun-tahun 1992 dan 1993 berjumlah RM42.8 juta. Bagi tahun 1994 Kementerian masih lagi di peringkat mengadakan perundingan dengan Kementerian Kawangan.

Mengenai perbelanjaan oleh pihak swasta untuk Program Tahun Melawat Malaysia 1994, Kementerian ini tidak mempunyai maklumat mengenainya. Walau bagaimanapun, Kementerian percaya jumlah yang dibelanjakan oleh pihak swasta adalah besar kerana perbelanjaan tersebut melibatkan kos pembinaan kemudahan asas, pelancongan seperti pembinaan hotel-hotel, chalet, rumah rehat, pusat-pusat rekreasi dan

lain-lain. Di samping itu pihak swasta juga dijangka terlibat di dalam membiayai beberapa acara sepanjang tahun 1994 akan datang serta menaja beberapa program di bawah Tahun Melawat Malaysia 1994 seperti projek-projek pengiklanan melalui pembinaan billboard, banner, bunting dan penajaan rencana di akhbar-akhbar.

Program Tahun Melawat Malaysia 1994 dijangka dapat mencapai matlamat menarik seramai 7 juta pelancong yang akan melawat Malaysia dan dijangka akan dapat menghasilkan tukaran wang asing melebihi daripada RM5 bilion.

- (b) setakat ini tiada kesulitan yang dikenalpasti di dalam melaksanakan program Tahun Melawat Malaysia 1994. Kerajaan, khususnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memperolehi sepenuh kerjasama dari semua pihak seperti Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, pihak swasta khususnya yang terlibat terus di dalam industri pelancongan seperti syarikat-syarikat pengembaraan, pengusaha-pengusaha hotel chalet-chalet dan laia-lain lagi.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian bercadang memberikan galakan cukai kepada pihak swasta yang membuat promosi ataupun membuat billboard untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bukan sahaja dari segi melaksanakan promosi, tetapi dari segi pembinaan serta pembangunan fizikal juga Kerajaan mempunyai pengecualian cukai-cukai tertentu, khususnya di bawah cukai-cukai yang telah dilonggarkan oleh pihak Kerajaan melalui cukai-cukai yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Di samping itu, apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, bukan sahaja kita memberi pengecualian cukai-cukai tertentu, tetapi iuga kita memberi galakan-galakan lain seperti bantuan-bantuan mengenai perkara-perkara untuk menasihatkan pihak swasta dalam melaksanakan pembinaan billboard dan sebagainya.

**PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI - BANTUAN**

**12. Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah sedar walaupun bantuan telah diberikan melalui Tabung Rumah Terbengkalai kepada pemaju perumahan dan namun masih ramai lagi pemaju-pemaju gagal menyiapkan projek tersebut. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat-maklumat yang ada di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, daripada 101 projek yang diluluskan oleh TPPT, kerja pembinaan sebenar bagi 56 projek belum dimulakan lagi. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti pihak konsultan masih berunding untuk mendapatkan persetujuan daripada pelbagai pihak yang terlibat. Dokumen tender sedang disediakan oleh pihak konsultan, tender sedang dipanggil atau sedang diproses dan sebagainya. Ia bukan bermakna projek berkenaan gagal, tetapi hanya belum dimulakan.

Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, pihak TPPT akan terus mengambil tindakan mengawasi dan menyelaras tindakan-tindakan yang diperlukan melalui konsultan-konsultan yang dilantik. Usaha-usaha ini manang agak rumit kerana melibatkan soal perundangan serta memerlukan kerjasama serta tolok daripada pelbagai pihak seperti tuan tanah, pemaju, bank, pemiutang, pembeli dan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.



## LESEN TELEVISYEN - KUTIPAN

**13. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) jumlah tunggakan lesen Televisyen bagi tahun 1990, 1991 dan 1992;
- (b) tarikh cadang dan amaun kenaikan bayaran lesen Televisyen;
- (c) tarikh cadangan implimentasi Rancangan TV4; dari
- (d) adakah patut atau saksama menaikkan bayaran lesen Televisyen untuk menampung kerugian Kementerian menandatangani jumlah tunggakan yang tinggi tidak dikutip balik.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada jumlah keluaran lesen Televisyen dan anggaran bilangan pengguna alat Televisyen yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran jumlah tunggakan lesen Televisyen yang tidak dibayar pada tahun 1990, 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Pemilik TV Belum Membayar</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1990	1.13 juta orang	RM27.12 juta
1991	1.25 juta "	RM35.00 juta
1992	1.57 juta "	RM41.63 juta

- (b) Kenaikan bayaran lesen Televisyen masih di peringkat kajian. Oleh itu, Kementerian Penerangan belum ada sebarang keputusan dibuat dalam hal ini.
- (c) Stesen Televisyen TV4 dijangka akan beroperasi pada tahun 1994.

**Tuan Rahim bia Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut perangkaan yang diberikan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, jumlah tunggakan nampaknya bertambah dari setahun ke setahun. Kemungkinan berlaku sedikit ketidakcekapan dari segi pengutipan. Jadi, apakah pihak Kementerian bercadang untuk menswastakan kutipan lesen Televisyen ini.

Yang keduanya, apakah pihak Kementerian bercadang supaya bayaran lesen Televisyen ini dikenakan secara lump sum dan dimasukkan dalam harga peti Televisyen yang berkenaan?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan pertama, Kementerian akan mengkaji kemungkinan untuk menswastakan kutipan yang dimaksudkan.

Berkenaan dengan bayaran lesen untuk dimasukkan dalam lump sum, sebenarnya Kementerian sedang mengkaji, mencari jalan agar dapat dipermudahkan lagi pembayaran lesen, kerana pada ketika ini Malaysia merupakan sesebuah negara yang mengenakan bayaran lesen yang paling minima kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain. Umpamanya di Siagapura sudah mengenakan lebih daripada RM110 setahun. Mungkin oleh kerana pemilik televisyen ini merasakan terlalu kecil dan masa mereka terlalu sibuk. Kementerian perlu mencari jalan bagaimana kita boleh mempermudah pembayaran lesen TV. Di atas cadangan Yang Berhormat Senator tadi boleh juga diberi pertimbangan.

#### MATAPELAJARAN SAINS - KEMEROSOTAN PENYERTAAN PELAJAR

**14. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian, mengenai masalah para pelajar Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran sains merosot daripada 20% pada 1985 kepada 15% pada 1991.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang menyusun satu strategi untuk meningkatkan penyertaan pelajar sains di peringkat menengah. Beberapa peringkat Jawatankuasa Pendidikan Sains telah ditubuhkan di beberapa Bahagian di Kementerian Pendidikan sebagai usaha penyelarasan ke arah pembentukan strategi untuk mencapai matlamat tersebut.

Di antara langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu pelajar-pelajar supaya maju dan berminat dalam mata-pelajaran sains ialah memperkenalkan kegiatan ko-kurikulum yang berunsurkan sains dan teknologi kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah rendah, menawarkan matapelajaran sains sebagai satu mata pelajaran yang tersendiri dalam kurikulum sekolah rendah mulai sesi persekolahan 1994/1995. Di samping itu, KBSM juga mewajibkan pelajar-pelajar mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran sains sebagai mata pelajaran teras di Tingkatan 4.

#### KERACUNAN MAKANAN - JUMLAH KES DILAPORKAN

**15. Tuan Ding Seling** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) bilangan kes keracunan makanan dilaporkan sehingga kini;
  - (i) bagi seluruh Malaysia;
  - (ii) bagi setiap negeri.
- (b) bilangan keracunan makanan yang berakhir dengan kematian mereka yang terlibat;
- (c) sebab-sebab keracunan makanan berlaku; dan
- (d) langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelak keracunan makanan.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) bilangan kes keacunan makanan yang dilaporkan untuk tahun 19.92 ialah:-

- (i) bagi seluruh Malaysia sebanyak 963 kes.
- (ii) bagi tiap-tiap negeri, bilangan ini ialah seperti berikut:

<b>Negeri</b>		<b>Kes</b>
Sabah	-	99
Sarawak	- 41	
Perlis	-	
Kedah	-	25
Pulau Pinang	-	57
Perak	-	283
Selangor	-	259
W.Persekutuan	-	14
Negeri Sembilan	-	
Melaka	-	9
Johor	-	47
Pahang	-	37
Terengganu	-	35
Kelantan	-	7

- (b) bilangan keracunan makanan yang berakhir dengan kematian ialah sebanyak dua kes akhir-akhir ini.
- (c) keracunan makanan boleh berlaku disebabkan oleh:
  - (i) bakteria ataupun lain-lain hidupan halus yang merbahaya seperti E-Coli atau toksin yang dihasilkan oleh hidupan-hidupan halus dalam makanan.
  - (ii) bahan kimia yang digunakan dan dikeluarkan oleh industri.
  - (iii) toksin atau racun semulajadi seperti yang terdapat dalam setengah jenis makanan atau tumbuhan seperti cendawan dan ikan.

Di antara kumpulan-kumpulan yang telahpun disebutkan, bakteri atau toksin dalam makanan adalah masalah yang paling utama yang menyebabkan keracunan makanan.

- (d) Langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan keracunan makanan ialah mempertingkatkan usaha melalui dua strategi iaitu pelajaran, kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang. Kementerian Kesihatan telah dan sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Persatuan-persatuan Pengguna serta media massa untuk memberi maklumat serta pendidikan kebersihan makanan kepada murid-murid, guru sekolah, pengendali-pengendali makanan dan juga orang ramai. Kakitangan Kementerian Kesihatan juga telahpun memberi pendidikan kebersihan makanan kepada ibu-ibu yang datang dari pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik dari seluruh negara.

Pada tahun 1993, Kementerian Kesihatan telahpun melaksanakan kempen cara hidup iaitu kempen cara hidup sihat, dengan izin, health life style, yang bertemakan kebersihan makanan yang telahpun dilancarkan di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Dari segi penguatkuasaan undang-undang tertentu Akta seperti Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985, ianya memang sentiasa dilaksanakan oleh penguasa-penguasa tempatan dan Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, penguatkuasaan ini akan lebih ditekankan lagi pada masa-masa akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman bersama kita akan teruskan sehingga pukul 3.40 petang kerana kita telah kelewatan disebabkan oleh upacara Mengangkat Sumpah tadi, Sekarang saya menjemput Tuan Ghazali bin Embong.

#### PERDAGANGAN ANTARA MALAYSIA DAN PAPUA NEW GUINEA

**16. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah peluang baru yang diperolehi di PNG:

- (a) berapakah jumlah dagangan antara Malaysia dan Papua New Guinea pada tahun 1989; dan
- (b) apakah barangan yang boleh dieksport dari PNG.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Papua New Guinea merupakan pasaran baru bagi pelaburan dan barangan ekport Malaysia. Sungguhpun jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Papua New Guinea adalah kecil iaitu 0.04% daripada jumlah dagangan luar Malaysia dalam tahun 1992, arah aliran pertumbuhan perdagangan kedua-dua negara telah meningkat di tahun-tahun kebelakangan ini. Jumlah dagangan duahala antara Malaysia dengan Papua New Guinea telah meningkat dari RM40 juta dalam tahun 1989 kepada RM87 juta dalam tahun 1992. Ini menunjukkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 30%.

Peluang bagi barangan ekport Malaysia ke Papua New Guinea termasuklah bahan-bahan binaan, barang makanan, barang elektrik, mesin menuai, meter air, paip air, tayar jentera pengali tanah, tayar lori balak, ubat-ubatan, rokok, barangan besi-keluli, barang-

barang plastik, tekstil, pakaian dan kasut dan baja. Barangan yang boleh dieksport dari PNG ke Malaysia (import dari PNG) antara lain termasuklah kopi, koko, teh, keluaran kayu, kapas, minyak sayuran, makanan haiwan dan sumber-sumber galian.

**MTUC - PINDAAN PEKLEMBAGAAN UNTUK MENGURANGKAN  
TINDAKAN KETERLALUAN**

**17. Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Dalam negeri menyatakan adakah Kerajaan akan meminda Perlembagaan bagi mengurang tindakan-tindakan MTUC yang keterlaluan dan boleh menjejaskan perkembangan ekonomi negara dan perpaduan masyarakat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak menjelaskan sama ada perkataan Perlembagaan itu bermakna Perlembagaan Negara ataupun Perlembagaan MTUC, Walau bagaimanapun, jawapannya ialah Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil tindakan sedemikian.

**USAHAWAN KECIL BUMIPUTERA - BANTUAN KEWANGAN**

**18. Tuan Haji Abdul Salam bin Awam** minta Menteri Kewangan menyatakan oleh kerana banyak bank-bank dan institusi kewangan tidak begitu terbuka untuk membantu usahawan-usahawan Bumiputera yang berkurangan modal, maka adakah Kerajaan bercadang untuk mencari alternatif lain bagi memastikan usahawan-usahawan ini mendapat kemudahan kredit supaya mereka dapat bersaing dengan usahawan-usahawan lain yang jauh lebih maju.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum, kegiatan utama bank-bank dan institusi kewangan yang lain ialah memberi pinjaman wang. Tetapi pinjaman yang diberikan itu perlu dikeluarkan dengan syarat-syarat yang tertentu kerana tidak semua pelanggan boleh dianggap berkemampuan untuk membayar balik pinjaman. Syarat-syarat tertentu dikenakan oleh bank-bank bagi menjamin keselamatan kumpulanwang mereka.



Oleh hal yang demikian, terdapat permohonan-permohonan pinjaman yang ditolak. Walau bagaimanapun, bagi memastikan bumiputera mendapat kemudahan pembiayaan yang sewajarnya dalam bidang perniagaan dan perusahaan, beberapa tabung khas telah ditubuhkan supaya bumiputera mendapat sumber pinjaman dengan lebih mudah dan murah daripada institusi-institusi kewangan.

Semenjak tahun 1973, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan pemberian pinjaman untuk dipatuhi oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan di mana mereka dikehendaki memperuntukan sejumlah wang tertentu untuk pinjaman kepada masyarakat Bumiputera. Di bawah garis panduan tersebut, Bank Perdagangan dan Syarikat-syarikat kewangan dikehendaki menyalurkan sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah pinjaman terkumpul mereka kepada bumiputera.

Setakat 30hb Jun, yang lalu bank perdagangan dan syarikat kewangan telah mematuhi sepenuhnya jumlah minimum tersebut, di mana masing-masing telah mengeluarkan pinjaman kepada bumiputera sebanyak RM31,171 juta dan RM13.374.4 juta.

Untuk menggalakkan usahawan kecil dan sederhana bumiputera mendapat sumber kewangan, berbagai skim telah diadakan. Misalnya, di bawah Tabung Usahawan Baru yang dilancarkan pada tahun 1989, sehingga kini 959 usahawan bumiputera telahpun diberikan pinjaman yang berjumlah RM254.4 juta. Selain daripada itu, di bawah Tabung Kemudahan Usahawan, seramai 376 orang usahawan bumiputera telah diberikan bantuan yang berjumlah kira-kira RM685 juta.

Skim-skim yang sedia ada pada pandangan Kerajaan dirasakan mencukupi untuk menampung keperluan pembiayaan di kalangan kaum bumiputera pada masa **ini**. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa Kerajaan akan mengkaji skim-skim yang sedia ada bagi memastikan kaum bumiputera akan mendapat faedah yang sewajarnya daripada skim-skim yang disediakan itu.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalahnya ialah usahawan-usahawan ini kadangkala tidak mendapat pinjaman daripada bank, sungguhpun mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara, adalah kurang pandai menjaga masalah keraian terhadap pegawai-pegawai bank. Dapatkah Kerajaan memastikan supaya masalah kerajaan ini tidak dimestikan di peringkat pegawai-pegawai Bank maksud saya seperti pergi keluar makan malam, minum dan sebagainya.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Pada umumnya, pinjaman adalah berdasarkan kepada sandaran yang dikemukakan, serta juga *viability*, dengan izin, projek-projek yang akan diusahakan dan Kementerian tidak sedar bahawa keraian juga memainkan peranan dalam menentukan sama ada sesuatu pinjaman itu dapat diluluskan ataupun tidak.

Dalam hal **ini**, sekiranya ada kes-kes tertentu dan spesifik, di mana pinjaman di tolak atas asas bahawa bumiputera tidak memberi keraian, umpamanya, kepada pegawai-pegawai bank, maka sukacita sekiranya Yang Berhormat dapat mengemukakan kes tersebut kepada Kementerian untuk siasatan lanjut.

**PENYAKIT AIDS - KAWALAN**

**19. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada AIDS sudah dapat dikawal di negara ini sebab ancaman penyakit AIDS di negara-negara maju seperti Amerika sudah meningkat menjadi penyakit yang kedua membunuh rakyat Amerika.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kadar kejadian penyakit AIDS di negara ini masih lagi rendah, walaupun terdapat penambahan bilangan mereka yang dijangkiti jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Tetapi penyakit ini semakin bertambah setiap tahun dan akan terus meningkat selagi mereka, terutama anak-anak muda yang berumur di antara 15 tahun hingga 25 tahun, mempraktikkan gaya hidup yang tidak sihat. Maka dengan itulah Kerajaan telahpun melancarkan program "healthy life style", dengan izin, untuk memberi pendidikan kepada orang ramai, terutamanya anak-anak muda, supaya tidak terlibat dan dapat menukar gaya hidup mereka kepada gaya hidup yang lebih sihat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai orang yang mengidap penyakit AIDS telah mati dan mayatnya adakah dibakar?

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini lebih dari 60 yang mengidap penyakit AIDS ini telah pun meninggal dunia, tetapi mayat masing-masing itu dikendalikan mengikut agama masing-masing dan sebelum mereka dikebumikan, pegawai-pegawai kesihatan daripada hospital yang berdekatan akan memberi nasihat dan kadang-kadang mengendalikan mayat itu sendiri supaya tidak berlaku jangkitan secara accidental, dengan izin, kepada orang-orang yang tidak mengetahui cara-cara mengendalikan mayat tersebut, kerana dirahamkan apabila seseorang yang mati kerana penyakit AIDS, lendir di badannya akan keluar dan mungkin jika salah pengendalian, penyakit mayat tersebut mungkin akan tarjangkit kepada orang yang mentadbirkannya. Setakat ini, oleh kerana arahan-arahan telah pun dikeluarkan dan garis panduan telah pun diikuti belum ada kes-kes yang dilaporkan yang berkaitan dengan jangkitan yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 53 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]**

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN 1993

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang menyambung atau jawapan?

Sila.

**3.42 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haii Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta baru yang dinamakan Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa Butiran 7, Senarai 3, Jadual Kesembilan, pembetungan terletak di bawah tanggungjawab bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Selaras dengan Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, beberapa Akta telah digubalkan memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan dalara perancangan pembinaan dan pengendalian sistem pembetungan yang terletak di bawah kawasan pihak berkuasa tempatan. Tetapi oleh sebab kekurangan sumber kewangan dan kakitangan teknikal yang mahir, pihak berkuasa tempatan terpaksa mendapatkan bantuan kewangan dan nasihat teknikal daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kesihatan.

Perkara pembedungan sebagai perkara bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga telah menimbulkan beberapa, masalah seperti persoalan pembiayaan projek, pertindihan tugas dan kuasa serta kekurangan dasar seragam yang diamalkan. Selain daripada mengoperasikan sistem pembedungan sedia ada, pihak berkuasa tempatan juga bertanggungjawab melaksanakan projek-projek pembedungan berpusat bagi bandar-bandar yang tidak mempunyai sistem pembedungan yang sesuai. Setakat ini, hampir kesemua sistem pembedungan berpusat dibiayai oleh pinjaman-pinjaman dari Kerajaan Persekutuan.

Oleh kerana kos projek yang tinggi, pihak berkuasa tempatan mendapati sukar membayar balik pinjaman berkenaan. Selain daripada itu, kadar caj pembedungan yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan tidak cukup untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraan sistem pembedungan. Hakikat ini menyebabkan pihak berkuasa tempatan enggan melaksanakan projek pembedungan yang sesuai walaupun sistem-sistem pembedungan sedia ada tidak memuaskan atau tidak sesuai.

Pelaksanaan yang tidak seragam oleh pihak berkuasa tempatan merumitkan lagi masalah pembedungan di seluruh negara. Misalnya, setengah pihak berkuasa tempatan mengenakan syarat yang ketat terhadap sistem pembedungan manakala yang lain pula mengenakan syarat yang longgar dengan membenarkan tangki septik substandard digunakan. Berdasarkan fakta-fakta yang saya sebutkan itu, sektor pembedungan tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh kebanyakan

pihak berkuasa tempatan dalam memenuhi keperluan pembangunan jika dibandingkan dengan lain-lain infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik. Ini telah menyebabkan wujudnya satu senario bahawa sistem dan perkhidmatan pembedungan di Malaysia adalah tidak memuaskan.

Alam sekitar, sumber air dan pantai peranginan di negara kita sering-kali dicemari oleh efluen yang dikeluarkan dari sistem pembedungan. Jabatan Alam Sekitar juga telah mengenalpasti sebanyak 7 batang sungai. Antara lainnya ialah Sungai Sepang, Sungai Kelang dan Sungai Buluh telah tercemar dengan teruk. Kebanyakan sungai-sungai ini merupakan sumber air minuman kita. Pencemaran ini telah menyebabkan berlakunya penyakit bawaan air seperti taun dan Hepatitis B, Pencemaran pantai peranginan seperti Port Dickson dan Batu Peringgi telah mendatangkan kesan buruk terhadap industri pelancongan dan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa setakat ini masalah perkhidmatan pembedungan tidak dapat diatasi dengan memuaskan oleh pihak berkuasa tempatan, maka Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengambilalih terhadap tanggungjawab terhadap semua perkara yang berkaitan dengan sistem dan perkhidmatan pembedungan daripada pihak berkuasa tempatan. Pengambilalihan tanggungjawab sistem dan perkhidmatan pembedungan ini akan mendatangkan banyak faedah-faedah seperti berikut:-

- (i) Menyeragamkan peraturan dan piawaian serta pelaksanaan sistem pembedungan di seluruh negara;
  - (ii) mempercepat pelaksanaan sistem pembedungan seluruh negara yang memenuhi piawaian seperti yang diperlukan;
  - (iii) menjimatkan sumber kewangan dan tenaga manusia dalam sektor pembedungan kerana tidak pertindihan tugas;
- C iv) membolehkan Kerajaan menswastakan sistem - pembedungan seluruh negara bagi meringankan bebanan Kerajaan.

Sejajar dengan pengambilalihan. tanggungjawab -terhadap sistem pembedungan, adalah wajar semua aset alih dan aset tak alih seperti tanah serta sistem pembedungan dan hutang-piutang pihak berkuasa tempatan. berkaitan dengan pembedungan yang sedia ada juga akan diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan. Pengambilalihan aset-aset berkenaan akan dilakukan secara berunding di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pengambilalihan tersebut, adalah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menswastakan sistem dan perkhidmatan pembedungan di seluruh negara memandangkan tindakan ini akan mendatangkan banyak faedah kepada negara dan rakyat khususnya. Di antara faedah-faedah ini ialah:-



- (i) Mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan tanpa menjejaskan peluang rakyat untuk menikmati perkhidmatan pembetungan yang lebih baik;
- (ii) membantu perkembangan pertumbuhan ekonomi negara melalui pembangunan sektor pembetungan oleh pihak swasta kerana pihak swasta mempunyai lebih banyak avenue dalam mendapatkan sumber tenaga manusia dan kewangan;
- (iii) mengurangkan pencemaran alam sekitar dan sumber air negara. Ini untuk memenuhi tahap piawaian yang ditetapkan dan secara tidak langsung ianya akan membantu membangunkan industri pelancongan negara kita;
- (iv) meningkatkan kualiti perkhidmatan yang lebih baik dalam sektor pembetungan;
- (v) meningkatkan taraf kesihatan rakyat jelata dengan pengurangannya penyakit-penyakit bawaan air; dan
- (vi) mendatangkan faedah 'economy of scale' dengan bayaran perkhidmatan yang berpatutan oleh pengguna.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah memutuskan untuk menswastakan sistem dan perkhidmatan pembetungan secara "first come,

first served" iaitu mengikut aalah satu prosedur penswastaan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, Dalam prinsip **ini**, Kerajaan akan mengkaji dan mempertimbangkan cadangan yang dikemukakan oleh syarikat swasta atas inisiatifnya sendiri. Sekiranya kajian itu tidak rnenetapi kehendak-kehendak yang ditetapkan, maka Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan yang"kedua atau seterusnya.

Dalam hubungan **ini**, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menerima 4 cadangan dari syarikat-syarikat seperti berikut:-

- (i) Syarikat Thames Water bagi pembedungan Johor Bahru dan Petaling Jaya; .
- (ii) Syarikat Winter Hawk bagi pembedungan Melaka Bandaraya Bersejarah;
- (iii) Syarikat Arab-Malaysian Development Bank bersama syarikat Perancis bagi pembedungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; dan.
- (iv) Indah Consortium bagi semua pihak berkuasa tempatan.

Cadangan dari 3 syarikat tersebut hanya tertumpu kepada bandar-bandar tertentu yang lumayan sahaja, manakala cadangan Indah Consortium adalah meliputi semua pihak berkuasa tempatan termasuk Sabah dan Sarawak. Setelah kajian teliti dijalankan, Kerajaan mendapati bahawa -cadangan Indah Consortium adalah paling baik atas sebab-sebab antara 'lainnya seperti berikut:

- (i) rakyat akan menikmati faedah "economies of scale" dalam bayaran yang berpatutan;
- (ii) ia melibatkan elemen cross-subsidy di antara kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan dan di antara rakyat yang berkeupayaan dan kurang berkeupayaan; dan
- (iii) ia akan membantu memajukan perkembangan sektor industri pembedungan negara ini dengan membenarkan penglibatan pengusaha-pengusaha kecil melalui sistem tender.

Walau bagaimanapun, butiran, terma dan syarat penswastan ini masih di dalam peringkat perundingan. Kerajaan hanya akan menandatangani perjanjian konsesi dengan syarikat yang berkenaan selepas rundingan tersebut selesai, yang dijangka berakhir sebelum akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan tujuan dan hasrat Kerajaan ini, satu Akta baru, iaitu Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993 perlu diperkenalkan dan pindaan perlu dibuat terhadap Akta dan Ordinan seperti berikut:

- (i) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- (ii) Akta Perancangan dan Desa 1976 (Akta 172);
- (iii) Akta Jalan, parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);

- (iv) Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah .1961 yang dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (v) Ordinan Kesihatan Awam Sabah 1960 yang dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehubungan dengan ini, beberapa Ordinan bagi negeri Sabah dan Sarawak juga perlu dipinda. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menasihati Kerajaan-Kerajaan Negeri tersebut untuk membuat pindaan sewajarnya supaya selaras dengan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembedungan 1993.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukanya memaklumkan di sini bahawa Rang Undang-undang ini akan melibatkan implikasi kewangan Kerajaan yang mana jumlahnya belum dapat ditentukan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheag Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua; Ahli-ahli Yang Berhormati, masalah di hadapan Majlis ialah "suatu Akta untuk meminda dan menyadukan undang-undang yang berhubungan dengan sistem pembedungan dan perkhidmatan pembedungan di seluruh Malaysia bagi maksud memperbaiki kebersihan dan alam sekitar dan meningkatkan kesihatan awam dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tuan Haji Mohamed Nazri.

**3.54 ptg.**

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Haji Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibincangkan sebentar tadi - Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembedugan 1993.

Saya ingin mengucapkaa setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan yang telah memikirkan untuk mengadakan satu Akta bagi menyelaraskan perkhidmatan pembedugan bagi seluruh negara Malaysia kita. Saya percaya bahawa ke arah kita mahu mencapai sebuah negara yang maju di masa yang akan datang, sudah tentulah selain daripada perkara api, air dan lain-lain lagi yang seharusnya sampai kepada seluruh kawasan di negara kita, maka sistem pembedugan juga merupakan satu faktor yang penting bagi menjadikan sebuah negara yang maju yang mana sebagai sebuah negara yang maju, maka sistem pembedugan ini mestilah merupakan satu sistem yang selaras dan juga diselenggarakan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pembincangan Rang Undang-undang sebentar tadi, kita lihat betapa pentingnya iaitu bahawa sistem pembedugan ini mesti dikendalikan oleh satu kuasa (authority) iaitu di peringkat Pusat (peringkat Federal). Kita telah diberi maklum sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana masalah yang sedang dihadapi oleh kita sekarang di mana "pembedugan ini adalah kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri yang menyebabkan berbagai masalah yang dihadapi. . Sebagai contoh, soal penyelarasan yang berbeza daripada satu kawasan ke satu kawasan.

Kita juga telah diberitahu bahawa oleh kerana perbezaan ini juga menyebabkan soal pencemaran alam sekitar yang mana jelas kita lihat pada ketika- ini seperti yang telah disebut oleh Timbalan.

Menteri sebentar tadi; Kos untuk mengendalikan sistem pembedaan ini juga agak tinggi.

Maka ini sernua menunjukkan bahawa berapa perlu sistem pembedaan ini mesti diselenggarakan oleh satu kuasa dan ini jelas menunjukkan bahawa sememangnya Akta Perkhidmatan Pembedaan ini sudah lama patut dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat bahawa dalam soal pembedaan ini - sistem pembedaan yang mendesak, kita merasakan bahawa sekarang adalah terlalu amat perlu untuk kita mempercepatkan penyelarasan sistem pembedaan. ini. Maka oleh kerana itu, saya juga menyokong Kerajaan dalam usaha untuk mempercepatkan pembinaan sistem pembedaan ini maka kontrak-kontrak yang hendak diberikan dan dikeluarkan ialah secara "first come, first serve".

Saya percaya bahawa oleh kerana keadaan mendesak, kita perlukan kepada satu sistem pembedaan yang baik, yang harus diselenggara dan diselaraskan oleh Kerajaan secepat mungkin, maka cara pemberian kontrak untuk melaksanakan sistem pembedaan ini sememangnya harus diamalkan mengikut sistem "first come, first serve." Kerana orang yang tampil ke hadapan yang memberikan satu- solution kepada kita untuk mengatasi masalah ini, maka dialah harus diberikan keutamaan.

Ini ialah kerana kalau kita terpaksa mengikut sistem. 'open tender ', berrnaka bahawa masa akan banyak terbuang dari segi hendak

kita menganalisis tawaran yang diberikan oleh beberapa pihak untuk mengendalikan sistem ini. Oleh kerana itulah, masa yang terpaksa terbuang pertamanya kita terpaksa mengumumkan bahawa tender akan dibuka; kemudian selepas tender dibuka, maka kita memberi masa kepada dia pula untuk memberi tawarannya; kemudian terpaksa buka tender; akhirnya mungkin ia akan berjalan sehingga 2 atau 3 tahun sebelum kita dapat memberikan award atau anugerah tender ini kepada satu pihak yang berjaya.

Sebab itu pada saya, di peringkat awal ini di mana kita tahu bahawa soal pencemaran alam sekitar, soal kebersihan, iaitu merupakan soal-soal yang perlu diselesaikan secepat mungkin. Maka oleh kerana itu, saya memberi sokongan saya kepada pihak Kerajaan yang telah mengambil keputusan untuk memberikan dan mengamalkan sistem "first come, first serve" bagi mereka yang akan diberikan atau dianugerahkan dengan tender-tender untuk menjalankan perkhidmatan pembetungan ini.

Maka tidak berbangkitlah soal bahawa ada pilih kasih atau apa-apa sekalipun kerana keperluan ini mendesak dan mereka yang tampil ke hadapan yang terdahululah akan diberikan itu pun kalau sekiranya kita lihat bahawa tawarannya itu adalah tawaran yang sesuai dengan kehendak kita - kehendak Kerajaan. Walaupun "first come, first serve", kalau apa yang ditawarkan oleh pihak syarikat itu tidak sesuai dengan kelayakan kita, maka kita tidak perlu tarima.

Tapi oleh kerana keadaan mendesak maka saya menyatakan di sini iaitu bahawa sistem amalan untuk memberikan first come, first serve kepada syarikat yang menawarkan perkhidmatan kepada Kerajaan, maka itu harus dijamin memandangkan ia sata perkara yang mendesak, yang perlu diselesaikan secepat mungkin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 5(3) dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Dato' Azumu -Tak untuk mempengerusikan Majlis sekarang. Dipersilakan.

[Dato' Azumu bin Tak **mempengerusikan Mesyuarat**]

**4.00 ptg.**

**Dato' Azumu bin Tak:** Yang Berhormat, sila taruskan.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin. Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Soal kedua yang hendak saya bincang, bahaskan di sini ialah berkenaan dengan beberapa perkara yang telah dimajukan di bawah Akta ini yang saya ingin sedikit sebanyak menyentuh bagi tujuan untuk memperkukuhkan lagi Akta perkhidmatan Pembedaan 1993 Ini;

Tuan Yang di-Partua, saya ingin bertanya sedikit kepada pihak Kementerian iaitu bahawa di bawah Seksyen 11 dan Seksyen 12 menyebutkan iaitu bahawa pengisytiharan berkenaan satu sistem itu akan dijadikan sebagai sistem umum. Saya ingin bertanya iaitu bahawa oleh kerana adanya satu peruntukan yang mana memberi kuasa kepada pengisytiharan sistem pembedaan itu sebagai sistem pembedaan awam. Maka ini bermakna iaitu bahawa Kerajaan masih lagi, dengan izin, tolerate adanya pengwujudan sistem pembedaan persendirian.



Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian sampai bilakah akan kita - mengizinkan supaya ada sistem pembedungan persendirian ini wujud di dalam negara kita. Sebab saya merasakan iaitu bahawa soal sistem pembedungan ini adalah suatu soal yang harus diambilalih oleh Kerajaan Pusat dan diletak sebagai satu sistem umum dan tidak sebagai satu sistem persendirian. Saya difahamkan bahawa kalau ada sistem persendirian, bermakna iaitu kita rnasih lagi mengizinkan supaya ada pihak-pihak yang akan mengwujudkan dan membinakan sistem pembedungan persendirian yang sudah tentulah dengan pengwujudkan mereka ini akan mendatangkan lebih banyak masalah pada kita. Ianya agak berbeza sedikit, ia merupakan public utility juga iaitu kemudahan awam, tetapi walaupun ia merupakan kemudahan awam saya merasakan iaitu bahawa dia tidak sepatut dibenarkan ada wujud sistem persendirian. Kerana kalau ada sistem pembedungan persendirian ini ditaruskan bermakna masalah sepertimana yang kita hadapi pada ketika ini akan berterusan. Soal pencemaran alam dan macam-macam lagilah.

Soalan yang saya ingin bertanya di sini iaitu bahawa berapa lamakah agaknya Kementerian akan tolerate, dengan izin, wujudnya sistem pembedungan persendirian dalam negara kita ini. Sebab saya percaya apabila Akta Perkhidmatan Pembedungan ini diwujudkan maka sudah tentulah pada akhirnya nanti kita mahu melihat supaya semua sistem pembedungan dalam negara kita ini akan menjadi sistem pembedungan awam dan tidak sistem pembedungan persendirian. Ini pandangan sayalah. Jadi, saya ingin tahu berapa lama agaknya kita akan izinkan sistem pembedungan persendirian ini terus diwujudkan dalam negara kita.

Keduanya, ini berkenaan jangan soal dasar. Saya lihat pada ketika ini iaitu bahawa dalam soal pembedahan ini di bawah Fasal 16 di dalam bahasa Inggeris, mukasurat 17 ada menyebutkan, dengan izin, bahawa:-

"16. The Director' General shall cause public sewerage systems to be properly cleared, cleansed and emptied and, for the purpose of clearing, cleaning and emptying the public sewerage systems, he may construct and place, either above" or under ground, such reservoirs, sluices, engines and other works as are necessary."

Saya hendak bercakap berkenaan dengan reservoir, ini berkenaan dengan kolam- ataupun takungan najis. Kita semua tahu bahawa pada ketika ini memang banyak juga kita lihat iaitu bahawa ada takungan najis ini yang berhampiran dengan kawasan perumahan kita dan takungan ini ialah above the ground dan ia tidak ditutup, seperti apa yang berlaku di Taman Tun Dr. Ismail. Kita ada kolam septik di situ yang terbuka dan ianya tidak ditutup, above the ground. Jadi, saya merasakan iaitu bahawa dengan teknologi yang sudah wujud sekarang ini maka sudah tentulah soal takungan above the ground **ini**, ianya merupakan satu masalah yang harus diatasi oleh kita. Sebab kalau macam mana elok.,sakingkat satu kawasan perumahan itu dan kalau sekiranya kita membenarkan supaya boleh diwujudkan takungan above the ground dan ianya tidak ditutup, maka sudah tentu ia akan menyebabkan berbagai-bagai pencemaran daripada segi pencemaran. udara bau yang datang daripada takungan ini memang tidak boleh kita tahan. Sebab kalau kita tengok iaitu bahawa satu kawasan di Pantai, kalau kita hendak pergi ke Kampung Pasir mengikut jalan keretapi, kita sampai ke satu kawasan itu, daripada

itu kita sudah tahu ada satu tempat, walaupun ia bukan merupakan takungan, tetapi di situ kita sudah dapat baunya. Dan saya tidak faham macam mana orang boleh duduk di situ dengan membaunkan udara yang dicemar itu 24 jam satu hari. Ini berlaku. Apatah lagi kalau kita tengok, kalau bau ini berlaku bermakna kawasan yang mahal macam mana sekalipun tempatnya, tetapi oleh kerana ada pencemaran udara Ini akan menyebabkan kawasan itu rnenjadi satu kawasan yang nilai harganya randah kerana orang tidak mahu duduk di situ, Begitu juga macam saya sebut sebentar tadi di Taman Tun Dr. Ismail, baunya memanglah tidak boleh diatasi. Tetapi bagi mereka yang duduk di kondominium di situ, dia buka tingkapnya, dia melihat takungan. najis.

Jadi, saya ingin bertanya iaitu bahawa tidakkah sekarang **ini**, dengan teknologi yang baru **ini**, tidak mungkinkah iaitu bahawa kita tidak mengadakan takungan ini, malah semuanya hendaklah dilakukan below the ground dan tidak above the ground, kerana pencemaran itu bukan sahaja pencemaran udara daripada segi baunya, tetapi daripada segi penglihatan kita juga kita merasa tidak begitu senang apabila kita melihat iaitu bahawa di kawasan perumahan yang kita duduk di situ, maka ada takungan najis yang di hadapan rumah kita?

Jadi, soalan saya di sini ialah apabila di bawah Fasal 16, kita memberi pilihan iaitu, dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris, "...he may construct and place, either above or under ground,". Bermakna bahawa di bawah Akta ini kita mengizinkan kalau sekiranya kita hendak membina takungan 'construct above ground' pun boleh. Tidakkah di sini kalau kita kata bahawa semuanya hendaklah di 'construct'kan under ground. Sebab, kalau kita beri pilihan 'above' or 'under ground' jadi masalah pencemaran udara tadi akan sekali lagi berbangkit, sepertimana yang telah saya sebut tadi, daripada segi penglihatan kita, daripada segi bau daripada hidung kita, kita akan dapat bau takungan itu.

Jadi, apakah tidak boleh Kerajaan memikirkan supaya kita tidak memberi pilihan kepada mereka yang hendak membina (construct) perkara-perkara **ini**,. hendaklah disyaratkan mesti dilakukan 'below the ground', Jadi, dengan cara ini bermakna bahawa kita dapat bukan sahaja mengatasi masalah pencemaran sungai dan lain-lain, tetapi pencemaran udara juga akan dapat kita atasi.

Jadi, saya merasakan bahawa Kerajaan harus "memikirkan dengan begitu serius betapa perlunya kita mesti ada takungan itu 'below the ground' dan tidak 'above the ground' yang mana hari ini kita lihat banyak berlaku di kawasan Kelana Jaya, Petaling Jaya dan ia merupakan satu pencemaran, bukan sahaja kepada udara tetapi pencemaran kepada penglihatan kita juga dan akan menyebabkan tanah-tanah yang di sekeliling takungan itu akan jatuh harganya disabitkan oleh kerana kita tidak ada selera untuk duduk di sebelah takungan najis yang berada di sebelah rumah kita.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 17, dengan izin, "Requirement that proper drainage for sewage be made." Saya bersetuju dengan Fasal 17 ini, cuma saya ingin bertanya bahawa cara manakah penguatkuasaan ini akan dilaksanakan? ini ialah kerana kita tahu di kampung-kampung, kita lihat di kampung masih ada lagi yang menggunakan berbagai-bagai sistem di kawasan-kawasan luar bandar. Sebagai contoh, kita ada 'bucket system', kita ada 'pit system', macam-macam system sewerage **ini**. Jadi, kalau kita mempunyai satu peruntukan di bawah Fasal 17 yang khusus menceritakan berkenaan dengan soal kehendak supaya saluran yang sepatutnya bagi kumbahan dibuat ataupun dalam bahasa Inggeris, requirement that proper drainage for sewage be made.

Saya cuma ingin bertanya iaitu macam manakah kita hendak melaksanakan Fasal 17 ini kalau masih lagi di kawasan-kawasan luar bandar kita ramai daripada penduduk-penduduk masih menggunakan sistem-sistem yang berbeza daripada sistem pembedungan yang ada dalam bandar ini. Apakah Fasal 17 ini akan merangkumi kawasan-kawasan di luar bandar? Kalau ia merangkumi, bermakna bahawa banyaklah rumah-rumah akan dipaksa di bawah Fasal 17 ini untuk menukar sistem mereka.

Jadi, soalan saya ialah apakah Kerajaan sudah memikirkan, dengan adanya Fasal 17 ini, daripada segi penguatkuasaan itu ia merupakan satu soal practicality. Jadi, macam mana agaknya Kerajaan hendak melaksanakan Fasal 17 ini untuk dipaksakan mereka yang menggunakan 'bucket system' dan juga 'pit system' untuk diselaraskan dengan sistem awam yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan nanti.

Tuan Yang di-pertua, saya lihat di bawah 'public sewerage system', dengan izin, ada Fasal 20 yang dimasukkan, iaitu 'kerbsakan kepada sistem pembetulan awam'. Kalau sesiapa disabitkan oleh kerana kegagalan (neglect) dia dalam menjalankan apa yang telah diarahkan oleh Akta ini ataupun action itu menyebabkan ada berlaku kerosakan, maka dia bukan sahaja kena bayar denda yang sepatutnya dibayar di bawah Akta **ini**, tetapi dia juga hendaklah membayar kerosakan (damages) ini. Saya bersetuju dengan Fasal 20 ini, kerana perbuatan kita di bawah Akta ini yang tidak kita lakukan, seperti mana yang telah diarahkan oleh Akta ini, boleh menyebabkan kerosakan dan orang yang melakukan kerosakan ini haruslah bukan sahaja dia kena bayar denda, tetapi juga mesti bayar kerosakan ini. Ini satu perkara yang baik. Cuma saya ingin bertanya, ianya hanya wujud bagi 'public sewerage system' sahaja, tetapi dia tidak wujud di bawah 'private sewerage system'.

Jadi, persoalan saya di sini ialah bahawa kerosakan itu juga - kerosakan yang berlaku di bawah 'public sewerage system' ini adalah sama dengan kerosakan yang berlaku di bawah 'private sewerage system'. Jadi, mengapakah kalau kita melakukan satu kesalahan di bawah Akta ini dan kesalahan itu menyebabkan berlakunya kerosakan, hanya mereka yang melakukan kerosakan di bawah 'public sewerage system' sahaja yang mesti membayar gantirugi di atas kerosakan itu, tetapi peruntukan yang sama tidak dikenakan kepada 'private sewerage system'.

Jadi, saya bertanya ini kerana saya rasa bahawa mangsa yang menerima jenis kerosakan itu sama sahaja, sama ada kerosakan

Itu menerusi 'public sewerage system' ataupun menerusi 'private sewerage system'. Tetapi bagi mereka di bawah 'public sewerage system' ini yang melakukan kesalahan, dia kena bayar damages, tetapi di bawah 'private sewerage system', tidak ada. Jadi, apakah ini mungkin ada sesuatu kerosakan itu hanya boleh dilakukan oleh 'public sewerage system' sahaja yang tidak boleh dilakukan oleh 'private sewerage system'. Maka itulah sebabnya mengapa tidak ada klausa yang mengenakan supaya mereka yang melakukan kerosakan ini mesti membayar gantirugi di bawah 'public sewerage system' dan tidak di bawah 'private sewerage system'

Jadi, saya ingin tahu bahawa apakah tidak dirasakan perlu juga kalau sekiranya berlaku kerosakan disabitkan oleh sesuatu yang tidak dilakukan oleh mereka yang mengendalikan 'private sewerage system' itu, tidakkah mereka juga harus bukan sahaja mesti membayar denda, tetapi juga membayar gantirugi terhadap mangsa yang menerima kerosakan yang dilakukan oleh 'private sewerage system' ini. Jadi, saya rasa bahawa Fasal 20 ini harus juga diperkenankan kepada mereka yang di bawah 'private sewerage system' juga. Itu barulah adil, kerana masalahnya adalah masalah yang sama, sama ada ia dikendalikan di bawah sistem umum ataupun ia dikendalikan oleh persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 27(2) ini berkenaan dengan 'Kemasukan' (Entry). Saya lihat di sini bahawa di bawah 27(2) dalam bahasa Inggeris, dia mengatakan bahawa 'consent' untuk memasuki satu kawasan itu hendaklah diterima oleh pihak-pihak yang tertentu, bukan sahaja daripada 'owner' tetapi juga daripada 'occupier', iaitu

penghuni di kawasan **itu**. Saya ingin bertanya di sini dalam soal 'occupier' ini, saya merasakan bahawa harus dimasukkan perkataan 'consent of the legal occupation'. "No person shall enter upon any land or other premises for any of the purposes mentioned..... except with the consent of the owner and, where such land or premises are in legal bccupation,..." Sebab kita tahu bahawa ada kawasan-kawasan yang diduduki oleh mereka yang tidak ada suratan undang-undang, tidak ada 'legal documentation' yang membenarkan mereka duduk di kawasan itu.

Jadi, soalnya di sini, harus kita selesaikan sekarang iaitu kalau kawasan itu diduduki oleh setinggan, maka apakah bagi mereka yang mahu memasuki kawasan itu, ia hanya memerlukan kepada kelulusan daripada pemilik sahaja dan tidak kepada penghuni, merupakan mereka yang menduduki tanah itu secara haram. Oleh kerana perkataan 'occupation' ini adalah luas, jadi soalnya di sini bahawa kalau kawasan itu penghuninya merupakan setinggan-setinggan yang menduduki kawasan itu secara haram, apakah kita juga perlu mendapat kelulusan daripada penghuni-penghuni ini sebelum kita 'dapat memasuki tanah yang hendak kita masuki **ttu**.



Ini penting diselesaikan sekarang kerana kalau tidak kita tahu banyak kawasan-kawaaan kita seperti di sepanjang-panjang jalan keretapi dari Kuala Lumpur hendak pergi ke Pelabuhan Kelang itu kita tengok di sebelah kawasan Pantai di Kuala Lumpur **ini**, kita tengok ada orang yang duduk di situ. Jadi, soalnya di sini apabila kita hendak masuk kawasan itu apakah kita perlu meminta keputusan daripada setingan-setingan di situ sebab mereka juga merupakan orang yang occupy the land. Jadi 'occupy' ini maksudnya occupy dari segi legal occupation ataupun illegal occupation? Ini pertanyaan saya kerana saya percaya di masa-masa akan datang sudah tentu kita akan menghadapi masalah ini dan kita hendak tahu di sini iaitu sama ada kita kaitkan perkara ini dengan legal occupation ataupun any occupation seperti "beneficial occupation" ataupun apa. Katakanlah dia secara tidak rasmi mendapat kebenaran daripada pihak keretapi duduk di situ setelah bertahun-tahun, tujuh lapan tahun dia sudah ada 'beneficial occupation of the land'. Jadi, apakah sekarang ini kita hendak selesaikan soal occupation **ini**, apakah ianya umum ataupun kita hanya hadkan kepada mereka yang mengoccupykan tanah ini secara legal sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, saya ingin bercakap berkenaan dengan fencing of the area. Saya tengok di dalam Akta ini tidak ada - mungkin saya tidak terjumpa - tetapi saya tengok di sini

bahawa tidak ada satu syarat yang mahukan supaya kita memastikan iaitu kawasan-kawasan ini hendaklah dipagarkan. Saya tengok cuma yang ada iaitu di bawah seksyen 28. Seksyen 28 itu pun memerlukan kita memagarkan kawasan-kawasan yang mana kita hendak menyimpan barang-barang di situ bagi tujuan untuk mungkin membina takungan ataupun bangunan-bangunan untuk pembedungan ini.

Jadi, kalau untuk perkara yang sementara itu kita syaratkan ianya mestilah dipagarkan, maka saya. merasakan bagi bangunan atau kawasan yang tetap itu kita mesti syaratkan ianya mesti dipagarkan. Sebab kawasan yang sementara sudah kita syaratkan iaitu di bawah seksyen 28 mesti dipagarkan kawasan-kawasan ini. Tetapi bagi bangunan-bangunan atau kawasan pembedungan yang tetap, kita tidak syaratkan. Saya rasa kita mesti syaratkan sebab liability mesti strict. Sebab banyak kes-kes yang berlaku kalau kawasan-kawasan ini tidak dipagarkan, maka ianya akan menjadi satu kawasan yang mana orang masuk di situ - ada oirang yang mungkin tenggelam kerana terjatuh di dalam kolam. Ini ada berlaku. Jadi, oleh kerana itu saya ingin menyatakan di sini kalau sekiranya di bawah seksyen 28 Akta ini, kawasan sementara itu pun kita syaratkan supaya ianya mesti dipagarkan, maka sudah tentulah yang tetap itu juga hendaklah dipagarkan. Sebab kalau yang ringan itu kita ada syarat, maka yang berat mesti ada syarat dia.

Oleh kerana itulah, saya merasakan bahawa hendaklah dijadikan sebagai satu Fasal di bawah Akta ini bagi kawasan tetap yang telah menjadi kawasan pembedungan, ianya mestilah dipagarkan. Dan kalau ia tidak dipagarkan, kalau ada satu-satu perkara yang berlaku atau

kalau tidak berlaku sesuatu pun, maka dia hendaklah dikenakan pembayaran denda kerana kawasan pemetungan ini adalah kawasan yang penting yang tidak seharusnya diwujudkan tanpa dipagarkan kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itulah sahaja saya hendak sebutkan dan sekali lagilah saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah memikirkan untuk mengadakan Akta ini yang saya merasa memang sudah sampai pada waktu dan ketikanya untuk kita mengadakan Akta **ini**. Maka dengan itu saya sekali lagi menyatakan bahawa saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Pemetungan 1993. Terima kasih.

**Dato' Azamu bin Tak:** Yang Berhormat Puan Hajah Habshah.

#### **4.24 ptg.**

**Puan Hajah Habshah binti Haji Osman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Pemetungan 1993 yang telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini.

Saya berpendapat Rang Undang-undang ini boleh menghasilkan satu iklim negara yang terbaik dari jangka panjang dan jangka pendeknya dalam membina suasana yang penuh selesa untuk kita semua hidup di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Butiran 7, Senarai 3, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa urusan-urusan mengenai pemetungan adalah tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Dan selaras dengan Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan juga, beberapa Akta telah digubal untuk memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan dalam rancangan

pembinaan dan pengendalian sistem pemetungan yang terletak dalam kawasan pihak berkuasa tempatan.

Malangnya saya mendapat maklumat yang mereka ini sedang menghadapi pelbagai masalah terutamanya kekurangan sumber kewangan dan kekurangan kakitangan teknikal yang mahir seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Untuk mengatasi masalah ini, saya mengucapkan syabas di atas peranan dan tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sedikit-sebanyak telah memberikan pelbagai bantuan untuk mengatasi masalah tersebut. Demikian juga menerusi Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah memberikan pelbagai sumbangan untuk kepentingan rakyat dalam menegakkan suasana bersih dan sihat dalam mewujudkan pemetungan yang termampu untuk kita selama ini.

Memanglah benar bahawa keadaan pemetungan di seluruh negara belum lagi memuaskan berasaskan bahawa pembinaan dan penyelenggaraan pemetungan dilakukan dengan berbagai cara. Tidak seperti prasarana yang lain seperti jalan raya, elektrik, air dan sebagainya; keadaan pemetungan di Malaysia dalam keadaan yang buruk walaupun di beberapa tempat keadaan pemetungan itu sudah ada yang dikelolakan secara yang baik.

Saya suka hendak memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimana keadaan pemetungan ini di Malaysia yang tidak sempurna telah mengakibatkan alam sekitar kita yang tercemar. Sebagai contoh, sebagaimana sungai Sepang dan sungai Kelang telah tercemar dengan teruknya sedangkan kebanyakan sungai ini merupakan sumber air minuman

penduduk tempatan yang menyebabkan penyakit taun yang dicemarkan. oleh kekotoran yang berpunca dari tidak baiknya sistem pebetungan.

Demikian juga dengan pantai-pantai kita yang menjadi tempat pelancongan telah rosak airnya seperti di Port Dickson dan Batu Feringgi.

Saya menyokong akan Rang Undang-undang ini untuk membolehkan urusan pebetungan ini diswastakan kerana kita telahpun mencapai kejayaan cemerlang dalam gagasan penswastaaan di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir seperti yang berlaku di dalam Telekom Malaysia, TNB, MAS, TV3 dan sebagainya. Dan yang demikian men-swastakan pebetungan dalam apa juga caranya amatlah dialu-alukan kerana ia boleh memberikan perubahan fizikal kepada alam sekitar yang melibatkan kehidupan harian rakyat Malaysia.

Namun demikian, di sini saya suka mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini mestilah berasaskan kepada hal-hal yang berikut:-

- (i) dengan adanya penswastaaan pebetungan ini ianya bolehlah mengurangkan saiz birokrasi yang terlibat dalam sektor pebetungan;
- (ii) ianya mestilah dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan yang selama ini memang tidak cukup-cukup untuk membiayainya;
- (iii) ianya tidak akan membebankan wang rakyat, tetapi mereka hanya dikenakan bayaran yang nominal untuk turut menikmati perkhidmatan pebetungan yang lebih baik di seluruh negara; dan

(iv) kita berharap hasil dari penswastaan pebetungan ini akan mengurangkan pencemaran alam sekitar dan pencemaran sumber air negara bagi membolehkan kita mendapat suasana yang lebih bersih dan sihat.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, penswastaan pebetungan ini diberi kepada Indah Consortium. Kepada saya siapa yang mendapat tugas mengendalikan sistem pebetungan ini adalah tidak penting. Yang penting ialah pihak yang mendapat peluang dari kepercayaan Kerajaan itu hendaklah mengendalikan pembangunan sektor ini dengan baiknya demi untuk kepentingan rakyat seluruhnya.

Namun demikian, saya difahamkan bahawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera telahpun mempunyai bahagiannya sebanyak 20% dan Koperasi Polis DiRaja Malaysia Bhd juga mempunyai 20%. Saya gembira yang kedua-dua organisasi pasukan polis dan tentera ini turut terlibat. Tetapi saya amat berharap mereka mestilah komited dan melibatkan diri secara langsung di dalam pengurusan dan pentadbiran perjalanan Indah Consortium ini dan bukannya sebagai 'sleeping partner' sahaja, dengan izin. Dengan penglibatan mereka ini saya yakin proses penswastaan perkhidmatan pebetungan negara akan dapat diterima dengan baik oleh sebahagian besar rakyat Malaysia.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow.

**4.30 ptg.**

**Tuan Fu Ah Kiaw:** Tuan Yang di-pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pebetungan 1993.

Selepas mendengar huraian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menggubal Rang Undang-undang ini dan saya turut memberi sokongan.

Negara kita sedang membangun dengan pesat menjelang tahun 2020, di mana kita perlu memastikan di samping mencapai pembangunan negara, alam sekitar dan tanah air kita tidak tercemar. Maka dengan maksud meningkatkan kesihatan awam, menjaga kebersihan alam sekitar dan sumber **air**, Kerajaan dengan inisiatif mendadangkan Akta ini untuk meminda dan raenyatukan undang-undang yang berhubungan dengan sistem pebetungan dan perkhidmatan pebetungan di seluruh negara.

Saya berpendapat inisiatif ini adalah tepat pada masanya dan ianya juga menunjukkan bahawa Kerajaan peka kepada masalah alam sekitar yang bersampingan dengan pembangunan.

Kita perlu memandang untuk jangka masa panjang dan mengelakkan kejadian yang berlaku di beberapa negara maju yang mengalami

kecemaran alam sekitar akibat pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Dewan yang mulia ini telah sedia dimaklumkan, setakat ini negara kita tidak mempunyai undang-undang seragam yang berhubungan dengan sistem dan perkhidmatan pemetungan. Akibatnya terdapat di seluruh negara kita sistem pemetungan yang berbagai rekabentuk dan yang berbeza dari segi kekesanannya.

Ada pemaju yang menggunakan kolam najis sebagai sistem pemetungan dan ada lain pula menggunakan sistem tangki septic, Imhofs tank, erected lagoon, system mechanical dan lain-lain sistem. Biasanya sistem ini dibina oleh pihak pemaju semasa pembinaan perumahan dan kemudiannya diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kerja penyenggaraan.

Majlis perbandaran Tempatan seterusnya melantik kontraktor-kontraktor masing-masing untuk menjalankan kerja penyenggaraan dan lain-lain perkhidmatan pemetungan. Oleh kerana kebanyakan pihak berkuasa tempatan tidak dapat menguruskan perkhidmatan pemetungan dengan baik, kita dapati banyak rayuan bahawa perkhidmatan pemetungan yang sedia ada tidak memuaskan dan telah menjejaskan kesihatan orang ramai dan juga telah mencemar alam sekitar negara kita.

Oleh itu, saya menyokong usaha Kerajaan untuk mengkaji, menyelaraskan dan menseragamkan hal berhubungan dengan rekabentuk, standard, spesifikasi sistem pemetungan dan perkhidmatan pemetungan di seluruh negara. Akan tetapi saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan beberapa perkara yang



berikut:

- (i) Fasal 7 memberi Kerajaan Persekutuan kuasa untuk membuat perjanjian penswastaaan dengan kontraktor perkhidmatan pementungan.

Mengikut keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi bahawa Indah Consortium akan dipilih sebagai kontraktor untuk menjalankan kerja perkhidmatan pementungan.

Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi kontrak penswastaaan ini kepada satu syarikat sahaja atau satu kumpulan yang tunggal sahaja. Kalau cuma satu syarikat atau kumpulan akan dapat kontrak penswastaaan, saya kluatir bahawa ini akan menjadikan satu monopoli dan monopoli adalah bertentangan dengan prinsip penswastaaan yang diamalkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dengan lebih teliti cara atau prinsip-prinsip yang akan digunakan untuk menentukan caj atau levi yang akan dikenakan kepada pengguna.

Saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian mengenai perkara ini supaya kontraktor tidak boleh menaikkan caj dengan sewenang-wenangnya tanpa kelulusan dari Kerajaan. Kawalan ini adalah perlu untuk memastikan supaya caj yang dikenakan kepada pengguna adalah munasabah dan tidak keterlaluan sehingga membebaskan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Sila Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

**4.36 ptg-**

**Puan Kian Sit Har:** Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menyentuh sedikit mengenai dengan pelaksanaan projek pementungan di bawah Akta Perkhidmatan Pementungan 1993.

pemberian kontraktor ataupun pemilihan kontraktor untuk menjalankan projek pementungan itu perlu dijalankan dengan terperinci berbanding hanya kepada kebolehan mendenda iaitu kriteria-kriteria seperti keupayaan dari segi kedudukan kewangan syarikat, pengalaman dan pengetahuan yang berkaitan serta track- record dalam bidang yang berkaitan dan bukan mengambilkira sangat siapa dia pengarah-pengarah syarikat ataupun kumpulan ethnic mereka. Hanya dengan pemilihan dan kawalan yang sedemikian dapat menjamin projek-projek berkenaan dilaksanakan dengan sempurna mengikut kehendak dan jadual. Projek-projek yang terbenkakai khususnya projek-projek raksasa akan menimbulkan banyak masalah sosio-ekonomi dan akan menyulitkan dan merugikan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**4.38 ptg.**

**Tuan Osu bin Haji Sukam :** Tuan Yang di-pertua, pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang Perkhidmatan Pementungan 1993.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow dan Yang Berhormat Puan Kian Sit Har telah rata-rata menyatakan sokongan mereka terhadap Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembetungan 1993 ini dan bagi pihak Kementerian serta Kerajaan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

Kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan, pertama oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz mengenai perkara sampai bilakah pembedungan persendirian menjadi sistem pembedungan awam.

Suka saya nyatakan bahawa disebabkan negara kita yang begitu besar dan luas serta penduduk-penduduknya juga tinggal bertaburan di seluruh negara, maka sudah pastilah akan wujud sistem pembedungan persendirian di negara kita walaupun sistem pembedungan awam ini akan dilaksanakan sebaik sahaja penswastaan dilakukan oleh Kerajaan.

Sistem pembetungan persendirian hanya akan perlu disambung kepada sistem pembetungan awam jika sekiranya sistem pembetungan awam ada di dalam jarak 30 meter daripada sempadan premis dengan sistem pembetungan persendirian. Di samping itu, juga peruntukan diwujudkan untuk menentukan bahawa sistem persendirian hendaklah diselenggara dengan baik dan jika sekiranya sistem persendirian tidak diselenggarakan dengan baik dan jika difikirkan perlu sistem persendirian ini diisytiharkan menjadi sistem pembetungan awam, barulah pihak Menteri yang diberikuasa di bawah Akta ini untuk mengisytiharkan mana-mana sistem untuk menjadi sistem pembetungan awam.

Mengenai Fasal. 16, takungan najis yang terbuka atau lebih dikenali dengan perkataan "oxidation pond" yang terdapat di beberapa kawasan di seluruh negara. Buat masa ini sistem ini adalah sistem yang difikirkan yang terbaik dan ianya diselenggarakan dengan cukup baik. Jika sekiranya sistem ini diselenggarakan dengan baik ianya tidak akan menimbulkan pencemaran sama ada dari segi bau atau pun dari segi kesihatan. Selain daripada itu, pihak majlis tempatan atau kerajaan negeri juga telah meluluskan beberapa takungan najis di bawah tanah. Tetapi masalah yang dihadapi oleh takungan najis di bawah tanah ini ialah apabila ianya diselenggarakan, oleh kerana

masalah penyelenggaraan takungan najis di bawah tanah ini didapati begitu menimbulkan beberapa perkara yang boleh meyulitkan penyelenggaraannya, maka itulah sebabnya 'oxidation pond' ini masih dikekalkan dan perkara di bawah peruntukan Fasal 16 dikekalkan bagi membolehkan mana-mana pemaju jika didapati memerlukan takungan najis atau 'oxidation pond' ini boleh dilaksanakan dengan kuasa yang diberikan oleh Ketua Pengarah.

Di bawah Fasal 17, peruntukkan ini sudah sedia ada di dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Ia hanya kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah dan terpulang kepada Ketua Pengarah untuk menggunakan kuasa ini mengikut keadaan. Projek penswastan ini akan hanya meliputi kawasan pihak berkuasa tempatan. Oleh itu, tidaklah perlu dibimbangkan tentang rumah-rumah kampung atau rumah-rumah di mana rumah-rumah itu telah terletak di kawasan luar bandar.

Mengenai Fasal 20, yang ditimbulkan oleh saudara Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, mengapa tidak ada private sewerage system. Seseorang pemunya sistem pemetungan persendirian bertanggungjawab bagi sistemnya sendiri. Di Fasal 20 ini ialah, dikatakan sekiranya sistem pemetungan persendirian dirosakkan, tidak diperuntukkan di dalam Perkara 20.

Seseorang tuan punya pemetungan persendirian bertanggungjawab bagi sistemnya sendiri. Jika orang lain merosakkan sistem itu, tuan punya sistem pemetungan itu ada hak di sisi undang-undang sama seperti hartanya yang lain. Ini bererti, tuan punya boleh meminta kepada siapa juga yang melakukan kesalahan untuk membayar kerosakan tersebut dan jika sekiranya enggan, maka ia boleh dibawa ke mahkamah sebagai satu perkara sivil untuk diputuskan.

Fasal 20, adalah bagi sistem yang dipunyai oleh Kerajaan di mana melibatkan orang ramai, maka keperluan orang ramai juga perlu diambilkira. Itulah sebabnya peruntukkan ini dikhususkan kepada sistem pembedungan awam.

Fasal 27(2), jika seseorang itu bukan tuan punya tanah atau seorang setinggan yang tinggal di kawasan. itu, apakah perlu untuk mendapatkan kebenaran daripada tuan punya tanah. Pada ketika ini soal sama ada penghuni itu penghuni secara sah atau tidak, tidak timbul. Kerana apa yang penting ialah kemasukkan itu akan mengganggu orang yang sedang menghuni premis, kawasan atau tanah **itu**. Oleh **itu**, supaya berlaku adil, penghuni itu perlu diberitahu.

Kalau tidak diizinkan oleh penghuni, cukuplah jika penghuni diberi notis selama 24 jam.

Fasal 28 di mana Yang Berhormat menyatakan supaya kawasan loji perlu dipagar bagi mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan ke atas sama ada orang awam ataupun pekerja-pekerja yang menjalankan penyenggaraan.

Suka saya raenyatakan bahawa pada masa ini pun, sewaktu pihak berkuasa tempatan memeriksa pelan-pelan yang berkaitan dengan perabatangan, pihak berkuasa cetnpatan ada mengenakan syarat supaya di mana perlu, loji-loji yang difikirkan memerlukan untuk dipagar boleh mengenakan syarat supaya loji itu dipagar oleh pemaju yang menjalankan {JSmbarigunan di kawasan CersebuC. Dan araan *ini* sedang berjalan pada masa ini dan akan terus dijalankan,

Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, selain memberi sokongan, mengharapkan pemegang-peraegang saham seperti Koperasi Polis dan Koperasi Angkatan Tentera tidak akan nienjadi 'sleeping partners'<sup>1</sup>. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa seperti lazimnya yang dilakukan, Konsortium ini sudah tentulah akan ditadbirkan oleh Lembaga Pengarahnya dan saya pasti Lembaga Pengarah ini akan terdiri daripada tneka yang merapunyai saham yang cinggi seperti Koperasi Polis dan Koperasi Angkatan Tentera. Terpulanglah kepada mereka yang dipertanggungjawabkan nanti untuk raengambil bahagian di dalam

menentukan bahawa perjalanan syarikat akan membawa bukan sahaja kebaikan kepada syarikat tetapi juga akan dapat melaksanakan hasrat dan cita-cita Kerajaan; untuk menentukan bahawa Sistem Pembedaan yang terdapat di negara kita ini akan benar-benar memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh Kerajaan dan masyarakat di seluruh negara.

Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow telah membangkitkan soal caj. Sukalah saya menyatakan bahawa caj yang telah diperakui untuk tempoh lima tahun pertama ialah di antara RM3 sehingga RM10 mengikut keadaan kedudukan dan besarnya penggunaan Sistem Pembedaan ini. Dan caj ini adalah di bawah tanggungjawab Menteri. Dan sukalah saya menyatakan di sini bahawa caj ini tidak akan membebankan mana-mana pihak khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Dan jika sekiranya perlu, Menteri akan menentukan bahawa caj ini adalah caj yang berpatutan yang tidak akan membawa bebanan kepada mana-mana pihak juapun.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan telah menimbulkan perkara-perkara am. Jadi, saya rasa tidak memerlukan jawapan daripada saya.

Walau bagaimanapun, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah ditimbulkan, yang perlu penjelasan daripada pihak Kementerian dan mana-mana perkara yang telah tidak dapat saya jelaskan, jika perlu saya akan menentukan bahawa perkara-perkara yang telah ditimbulkan telah pun diambil perhatian oleh pegawai-pegawai yang bertugas pada hari ini dan kita akan memberi penjelasan jika



perlu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang **itu**. Sekian, terima kasih.

**Dato' Azumu bia Tak:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masaalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan,

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Dato' Azumu bin Tak **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga** 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN) 1993

## Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**5.01.ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mecadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1976 Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang undang-undang Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang seterusnya telah diwartakan untuk berkuatkuasa mulai 25hb Mac, 1976. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembedungan 1993 yang telah saya bentangkan sebentar tadi, dengan jelas menerangkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengambilalih tanggungjawab terhadap sistem pembedungan di seluruh negara daripada pihak berkuasa tempatan. Selaras dengan pengambilalihan tanggungjawab tersebut, maka suatu pindaan perlu dibuat kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 supaya pihak berkuasa tempatan tidak lagi bertanggungjawab terhadap sistem pembedungan di negara ini.

Pindaan yang dicadangkan ini melibatkan Seksyen 2, 72, 73, 128, 130 dan 131 seperti berikut:-

- (i) Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda -
  - (a) dengan memotong perkataan "tangki najis" dalam takrif "bangunan"; dan

- (b) dengan memasukkan selepas takrif "kemajuan" takrif baru yang berikut:

"kumbahan" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993;

- (ii) Seksyen 72, Akta Ibu adalah dipinda -

- (a) dengan mernotong perkataan "najis manusia, kotoran" dalam perenggan (a);
- (b) dengan menomborkannya semula Seksyen 72 sebagai subseksyen (1); dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen baru (2) yang berikut:

"(2) Bagi maksud subseksyen 72 dan 73, cecair buangan tidak termasuk kumbahan."

- (iii) Seksyen 73 Akta ibu adalah dipinda -

- (a) dengan memotong perkataan "najis manusia, kotoran," dalam perenggan (a);
- (b) dengan menomborkannya semula seksyen 73 sebagai subseksyen (1); dan
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1) subseksyen baru (2) yang berikut:

"(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta **ini**, sesuatu pihak berkuasa tempatan tidak boleh membuat, meminda atau membatalkan mana-mana undang-undang kecil berkenaan dengan kumbahan."

(iv) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 128 dengan yang berikut:

"Kadar 128. Selain daripada kadar-kadar yang tambahan tersebut dalam seksyen 127, pihak berkuasa tempatan boleh dengan cara yang serupa mengenakan suatu kadar pamaritan mengikut seksyen 132."

(v) Seksyen 130 Akta ibu adalah dipinda -

(a) dengan memotong perenggan (b) dalam subseksyen.(2); dan

(b) dengan memotong perenggan (b) dalam subseksyen (3).

(vi) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong Seksyen. 131.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Azumu bin Tak:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Tuan Saidin.

**5.06 ptg.**

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk memperkatakan satu dua perkara berhubung dengan pindaah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua dalam perbahasan Akta Kerajaan Tempatan 1993, maka saya ingin juga menyentuh sedikit sebanyak tentang pindaan yang dibuat. Saya dengan ini, menyokong di atas pindaan-pindaan yang dibuat, di mana tujuan mengemaskinikan supaya lebih kuat, di samping bagi menepati kehendak-kehendak yang tertentu. Namun demikian, dalam menyingkirkan perkataan yang kurang enak didengar, di samping membuat pindaan kekuasaan yang lebih tepat dan diharap dapat memberi kesan yang positif, saya ingin menyebutkan yang menjadi permasalahan ialah tentang pelaksanaan.

Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993 yang baru dibentangkan tadi dan telah diterima oleh Dewan ini telah pun menyebut khusus mengenai perkhidmatan. Tetapi Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1993, saya kira lebih luas dan memberi peluang kepada saya untuk memperkatakan sedikit sebanyak, walaupun dalam menyentuh seksyen 72, 73, 130 dan 131 khusus mengenai perkara-perkara yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, cecair buangan dan kumbahan, suatu yang memberi kesan negatif jika sekiranya suatu tindakan berkesan tidak diambil. Sejauh ini amat kurang usaha-usaha menjadikan cecair buangan dan kumbahan sesuatu yang positif. Usaha menjadikan buangan itu sebagai baja, gas dan sebagainya tidak dipertingkatkan. Andai kata pada tahun 2020 pertambahan penduduk begitu ketara, sudah tentu permasalahan akan timbul. Dengan demikian, dengan pindaan Akta ini, akan dapat pihak-pihak yang berwajib mempertentukan suatu sistem yang kemaskini lagi terperinci dalam menempuh perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, amatlah perlu pihak-pihak yang bertanggungjawab memberi perhatian di dalam permasalahan-permasalahan yang dihadapi pada masa kini, yang berkemungkinan akan dihadapi dalam tempoh beberapa tahun akan datang dan seterusnya sehinggalah sampai ke tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Sila Yang Berhormat Hajah Cik Pora.

### **5.11 ptg.**

**Puan Hajah Cik Pora binti Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Akta (Pindaan) Kerajaan Tempatan. Dalam menyokong pindaan "Rang Undang-undang ini, saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan di dalam membuat pindaan ini, supaya memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak orang ramai, kerana di mana-mana pun kita mendengar rungutan-rungutan yang tidak berpuas-hati dengan perjalanan dan tindakan Majlis Tempatan, terutamanya di dalam meluluskan pelan-pelan untuk pembangunan rumah-rumah di bandar-bandar.

Ada suatu peristiwa yang berlaku, dan saya rasa Tuan Yang di-Pertua juga telah terbaca di dalam suratkhbar, di mana sebuah Pejabat Majlis Tempatan di Kedah telah dilemparkah dengan lumpur oleh sipengadu. Ini berlaku kerana pihak yang berkenaan telah beberapa kali membuat aduan kepada pihak Majlis Tempatan mengenai banjir kilat yang berlaku akibat pembinaan rumah-rumah ini. Tetapi apabila pengaduan dibuat, kakitangan-kakitangan Majlis Tempatan ini

memberi kata-kata yang tidak menyenangkan. Jadi, sipeagadu ini hilang sabar dan terus melemparkan lumpur ke dalam Pejabat Majlis Tempatan. Saya rasa ini adalah kurang baik kepada imej Majlis Tempatan kerana kita berharap kepada merekalah untuk menjaga kebersihan dan juga menerima pengaduan-pengaduan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan, siapakah, dengan izin, finally meluluskan pembinaan taman-taman di Pekan-pekan. Berlaku di Kulim di mana di dalam kawasan pembinaan perumahan itu terdapat satu jalan yang begitu pelik kerana tidak sepatutnya jalan itu dibuat begitu. Kepada orang ramai yang terlibat, yang menggunakan jalan ini merasakan ia adalah suatu yang paling merbahaya kerana ia begitu, dengan izin, sharp corner, dan pada fikiran kita tidak sepatutnya jalan itu dibuat begitu. Orang ramai telah mempersoalkan adakah Majlis Tempatan ini mempunyai pegawai-pegawai yang berkelayakan ataupun perkara ini diluluskan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharaplah supaya mendapat jawapan mengenai perkara ini - ini berlaku di tempat saya sendiri - supaya kita dapat memberi penjelasan yang memuaskan.

Tuan Yang di-pertua, dengan pindaan-pindaan ini, saya juga berharap mereka akan dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada orang ramai yang membayar cukai kepada Kerajaan. Selain dari itu juga, saya ingin menyeru pihak Majlis Tempatan supaya, dari segi perhubungan dengan orang ramai, mereka hendaklah memberikan suatu perkhidmatan yang baik sama ada di dalam tuturkata dan juga di dalam memberi penjelaaan-penjelasan. Kerana di cempat saya sendiri, iaitu di Majlis Tempatan Daerah Kulim, begitu banyak rungutan-rungutan

yang tidak memuaskan pihak masyarakat setempat telah diterima.

Selain dari itu juga, saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak Majlis Tempatan ini mempunyai kuasa terhadap binatang-binatang seperti lembu dan kambing yang berkeliaran di pekan-pekan kecil yang mempunyai Majlis Tempatan. Kita tengok pekan ini begitu kotor dan tidak siapa yang mengambil tindakan terhadap ternakan-ternakan yang berkeliaran di pekan-pekan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang (pindaan) Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Azumu bia Tak:** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

#### **5.17 ptg.**

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamed dan Yang Berhormat Puan Hajah Cik Pora binti Haji Omar yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-Undang Akta Kerajaan Tempatan (pindaan) 1993 ini.

Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamed telah menyuarakan pandangan beliau supaya cecair buangan dan kumbahan yang ada pada hari ini diusahakan untuk membawa pulangan yang positif dari segi baja, gas dan sebagainya, bukan sahaja kepada negara, tetapi juga dari segi penggunaannya yang membolehkan mendapat palangan yang positif dari segi kewangan sama ada kepada Majlis Tempatan mahupun Kerajaan.



Saya ucapkan terima kasih kepada pandangan yang positif ini, dan suka menyatakan di sini bahawa pandangan ini akan kita majukan di dalam kita merundingkan dengan pihak swasta nanti semasa kita membincangkan syarat-syarat yang akan diguna-pakai di dalam proses menswastakan sistem pembedaan ini. Kita harap pandangan ini akan dapat diterima supaya apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi akan menjadi satu realiti, bukan sahaja di dalam kita memberi perkhidmatan yang baik kepada sistem pembedaan yang ada, tetapi juga akan mendapat by-product yang boleh membawa hasil pulangan kepada rakyat tempatan dan juga kepada negara.

Yang Berhormat Puan Hajah Cik Pora bin Omar telah banyak menyuarakan masalah-masalah atau sikap yang dilakukan oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan Tempatan. Walaupun perkara ini tidak termasuk di dalam pindaan Akta ini, sukalah saya menjawab kepada Yang Berhormat. Apa yang berlaku di negeri Kedah, hasil daripada komplen yang dikemukakan oleh salah seorang penghuni berikutan daripada banjir kilat yang berlaku, seperti dakwaan Yang Berhormat yang mengatakan sikap dan layanan kurang baik yang telah diberikan oleh kakitangan Majlis tersebut, saya inginlah menyatakan di sini bahawa kita akan berusaha untuk menyampaikan perkara ini kepada pihak yang berkenaan supaya perkhidmatan dan hubungan serta sikap dan tingkahlaku pekarja-pekerja Majlis Tempatan, Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran yang terlibat di dalam Kerajaan Tempatan akan dapat kita pertingkatkan, supaya bukan sahaja akan menyenangkan pihak-pihak yang berurusan dengan pihak Kerajaan Tempatan, tetapi juga apa-apa masalah yang akan ditimbulkan akan dapat diselesaikan dengan baik untuk kebaikan semua pihak.

Soal siapakah yang sebenarnya mempunyai kuasa di dalam pembinaan taman-taman awam di negara kita, ada dua yang sebenarnya. Satu, jika taman-taman awam ini dilaksanakan oleh Majlis sendiri, maka Majlislah yang akan menentukan bahawa semua pelan-pelan yang akan dilaksanakan diluluskan oleh pihak najis itu sendiri. Maka sudah tentulah sebarang masalah yang mungkin ' timbul boleh diselesaikan oleh pihak Majlis dengan kerjasama sama ada Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang menjadi ahli atau anggota Majlis Tempatan ataupun mana-mana pihak teknikal yang ada hubungkaitnya dengan kelulusan pelan-pelan taman awam di kawasan tersebut.

Sekiranya taman awam itu dibina oleh pihak swasta, ianya juga perlu mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Tempatan. Jadi, sekiranya taman-taman awam ini yang dibina oleh pengusaha-pengusaha atau pemaju-pemaju dengan persendirian, maka ianya perlu dirujuk untuk mendapat kelulusan daripada pihak Majlis, dan apabila pelan tersebut diluluskan barulah ianya boleh dilaksanakan. Jadi, sebarang masalah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, bolehlah dimajukan kepada pihak Majlis tersebut supaya perkara-perkara yang ditimbulkan tadi dapat diperbetulkan untuk kepentingan orang ramai.

Soal kambing dan lembu yang berkliaran, saya ingat semua pihak Majlis mempunyai kuasa di bawah Akta yang berkuatkuasa untuk menentukan lembu-lembu kepunyaan orang ramai tidak seharusnya berkeliaran di kawasan-kawasan Majlis dan jika ini berlaku Majlis

boleh menangkap dan mengenakan denda kepada tuannya lembu atau kambing dan jika sekiranya tuannya engkar membayar denda tersebut, sudah tentulah lembu itu mungkin boleh dilelong untuk denda dibayar dan bakinya diserahkan kepada tuannya lembu tadi.

Saya ingat itu sahaja perkara yang telah ditimbulkan, dan saya ucapkan terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Dato' Azumu bin Tak **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 1993****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.26 ptg.**

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1976 Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang seterusnya telah diwartakan untuk berkuatkuasa mulai 25hb Mac 1976. Seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembetungan 1993 yang telah saya bentangkan sebentar tadi dan telah diluluskan jelas menerangkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengambilalih tanggungjawab terhadap sistem pembetungan seluruh negara daripada pihak berkuasa tempatan.

Selaras dengan pengambilalihan tanggungjawab tersebut, maka adalah perlu suatu pindaan dibuat kepada Akta Perancangan Bandar di Desa 1976 seperti berikut:-

Seksyen 22 Akta Ibu adalah dipinda:

- (a) dengan memotong perkataan "dan" di akhir perenggan (b) subseksyen (2); dan
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (b) subseksyen (2) perenggan baru (ba) yang berikut:

"(ba) peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993; dan".

Peruntukan kelulusan perancangan sebelum ini dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan sebagai pihak berkuasa perancang tempatan. Selaras dengan pindaan ini, kuasa untuk meluluskan pelan-pelan perancangan berkaitan pembedungan masih dilakukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan tetapi hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembedungan seperti yang ditetapkan di dalam seksyen 31 Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993.

Tuan Yang di-Pertua,, dengan adanya pindaan **ini**, maka dipercayai sistem-sistem pembedungan pusat dapat dirancang dengan teliti dan teratur demi mencapai objektif sebagaimana diharapkan oleh Dewan yang mulia ini apabila meluluskan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Azumu bin Tak:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas, Tuan Rahim bin Baba, silakan.

**5.31 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberikan kesempatan kepada saya untuk membincang dan juga seterusnya menyokong Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telahpun dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, Akta ini perlu dibentangkan untuk disesuaikan dengan Akta Perkhidmatan Pembedungan 1993 yang telahpun kita luluskan sebentar tadi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang telahpun memandang jauh tentang Akta Perancangan Bandar dan Desa ini kerana ini menunjukkan bahawa terdapat kordinasi di antara

akta-akta yang akan terlibat ataupun undang-undang kecil yang akan terlibat khususnya dengan Akta Perkhidmatan Pembedungan yang telahpun diluluskan sebentar tadi.

Kita khuatir, jika tidak ada kordinasi di antara akta-akta yang telahpun diluluskan, kemungkinannya satu masa kelak akan timbul masalah-masalah kerana dalam soal pembedungan, ianya dikuasai oleh Kerajaan Pusat, tetapi dalam soal perancangan bandar dan juga perancangan desa, kadangkala dikuasai ataupun dijagai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun Kerajaan-kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sambil membincangkan Akta Perancangan Bandar dan Desa ini, izinkan saya memberikan serba sedikit pandangan mengenai kordinasi-kordinasi yang sepatutnya dilakukan oleh pihak Kerajaan khususnya semasa membina bandar-bandar baru. Saya hanya mengambil contoh, kalau kita perhatikan jalan menghala dari Tanjung Malim Re Utara, pada masa-masa yang dahulu, kita betul-betul melalui di dalam bandar Tanjung Malim dan selepas itu oleh kerana berlaku kesesakan di bandar Tanjung Malim, Kerajaan telahpun mengalihkan jalan yang lain dengan harapan supaya kesesakan lalu lintas tidak akan berlaku di bandar Tanjung Malim sendiri. Tetapi apa yang kita dapati ialah, setelah 4 ataupun 5 tahun jalan baru itu digunakan, kita dapati pihak kerajaan tempatan dari segi perancangan bandar nampaknya telahpun meluluskan beberapa rumah-rumah kedaidan beberapa pusat-pusat perniagaan baru di sepanjang jalan yang baru ini pula.

Saya percaya dalam masa 10 ataupun 15 tahun yang akan datang, jalan ini juga terpaksa dialihkan pula kerana akan berlaku

kesesakan-kesesakan yang baru. Jadi di dalam soal ini, biarlah ada kerjasama di antara majlis bandaran di dalam merancang bandar-bandar baru ataupun pusat-pusat pertumbuhan ekonomi baru supaya tidak dibuat di kawasan-kawasan di tepi jalan kerana tujuan asal jalan ini dahulu dialihkan adalah untuk meringankan beban kesesakan bandar Tanjung Malim yang sedia ada.

Saya hanya mengambil contoh bandar Tanjung Malim kerana saya berpengalaman, saya dapat memerhatikan sendiri tentang kemajuan ataupun perancangan-perancangan, yang telahpun dijalankan oleh pihak Kerajaan dari segi untuk mengelakkan berlaku kesesakan. Jadi apa yang ingin, saya harapkan ialah supaya pada masa-masa yang akan datang, apabila dibuatkan perancangan-perancangan, pihak perancangan bandar hendaklah lebih **teliti** lagi, dengan masalah-masalah ini.

(Timbalan-Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**)

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini menyentuh kerajaan tempatan dan tidak menyentuh soal perancangan bandar dan desa, saya juga ingin memberikan pandangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, **iaitu** terdapat setengah-setengah akta ataupun undang-undang yang telahpun diluluskan oleh majlis-majlis tempatan yang berbeza di antara satu masa dengan satu masa yang **lain**.

Saya mengambil contoh, umpamanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur **ini**, dahulunya ditadbir di bawah negeri Selangor, setengah-setengah projek perumahan telahpun diluluskan semasa Kerajaan Negeri Selangor dahulu dan setengah-setengah daripada kelulusan untuk membuat, pembinaan tambahan, membuat awning, membuat extension dan



juga sebagainya telahpun diluluskan sebelum wujudnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tetapi apabila telah wujud Kuala Lumpur, sejak adanya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini, Kuala Lumpur menjadi salah satu daripada bandaraya, apa yang telahpun diluluskan sebelum tahun 1972 dahulu nampaknya tidak bersesuaian dengan Undang-undang Kecil Dewan Bandaraya ataupun dari segi perancangan bandar.

Jadi, terdapat tuan-tuan rumah yang telahpun diberikan notis ataupun samun oleh pihak Dewan Bandaraya supaya merobohkan pembinaan tambahan ataupun awning dan juga sebagainya yang semasa belum adanya Dewan Bandaraya dahulu telahpun diluluskan oleh pihak-pihak yang berkuasa semasa itu. Tetapi oleh kerana adanya pindaan terhadap Undang-undang Kecil Perancangan Bandar, jadi mereka ini telahpun meminta untuk memecahkan semula ataupun membuat pengubahsuaian seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang Kecil Dewan Bandaraya yang baru. Jadi, apa yang saya harapkan ialah supaya pihak Kerajaan juga dalam soal merancang bandar ini dapat memikirkan soal kelulusan yang telahpun diberi sebelum sesuatu akta itu diluluskan.

Soal yang ketiga yang ingin saya timbulkan ialah di dalam Kerajaan merancang bandar-bandar baru ini, kadangkala Kerajaan juga mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti infrastruktur dan juga jalan raya, sekolah, hospital dan juga sebagainya. Apa yang saya dapati ialah seperti mana yang telah pun saya nyatakan pada masa-masa yang dahulu, dengan tidak semena-mena, kadangkala apabila Kerajaan mengadakan projek-projek pembangunan di dalam sesuatu kawasan itu, harga tanah yang bersekitaran dengan projek-projek

bandar baru yang dibina oleh Kerajaan telahpun naik dengan sendirinya. Ini adalah disebabkan oleh kerana adanya jalan, adanya prasarana yang disediakan oleh pihak Kerajaan seperti sekolah, perumahan-perumahan, hospital dan juga sebagainya, jadi dengan sendirinya tuan-tuan tanah yang bersekitaran mendapat tambahan terhadap penilaian tanah mereka ini.

Jadi, apa yang saya harapkan ialah Kerajaan juga dalam merancang bandar-bandar baru ini memikirkan apakah cara ataupun apakah kaedah yang boleh digunakan bagi memastikan di samping Kerajaan mengadakan kemudahan-kemudahan asas ini, Kerajaan juga mendapat keuntungan daripada naiknya nilai hartanah di sekitar kawasan-kawasan ataupun bandar-bandar baru yang dibina dan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Kamungkinannya Kerajaan boleh memikirkan soal Cukai-cukai tambahan ataupun sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cuma itu sahajalah yang ingin saya mengambil bahagian di dalam memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi? Saya hendak beri peluang. Baik, saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi memberikan jawapan.

5.42 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba kerana sudi mengambil bahagian di dalam perbincangan Akta Perancangan Bandar dan Desa Pindaan 1993. Perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat adalah perkara umum yang tidak ada kaitannya dengan pindaan Akta Perancangan Bandar pada petang ini. Walau bagaimanapun, sukalah saya memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan.

Sebelum ini segala perancangan yang dibuat adalah sama ada oleh Kerajaan Tempatan ataupun negeri berdasarkan kepada taburan penduduk dan potensi yang terletak di kawasan-kawasan tersebut. Tetapi pada masa ini disebabkan negara kita telah membangun dengan pesatnya, maka Kerajaan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah merancang untuk menentukan bahawa pembangunan yang dilakukan di setiap kawasan bandar, pekan dan kampung mengambil kira tentang

keperluan bukan sahaja bagi jangka masa yang singkat tetapi juga untuk jangka masa yang panjang di mana seluruh kawasan itu hendaklah dibangunkan berdasarkan kepada satu pelan yang dipanggil "structural plan" yang direka atau yang dirancang oleh Perancang Bandar dan Desa berkenaan dengan penggunaan tanah, penerapatan jalan-jalan, sekolah, pembangunan rumah, surau, tempat-tempat sembahyang untuk agama-agama yang lain dan begitu juga tempat-tempat rekreasi, apa juga pembinaan yang perlu dilakukan, terdapat di dalam structural plan yang dibuat dan diluluskan oleh Kerajaan Tempatan

Jadi, structural plan ini sedang dirancang untuk seluruh negara, walaupun pada masa ini cuma terdapat beberapa pekan besar sahaja yang telah mempunyai structural plan yang telah pun diluluskan. Sebelum structural plan ini diluluskan, ianya akan dibentangkan untuk bantahan daripada orang awam, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk satu jangka masa di mana pihak awam boleh mengemukakan pandangan terhadap pelan yang dibentangkan dan segala pandangan, segala bantahan yang dikemukakan akan ditimbang oleh satu jawatankuasa pembangunan sama ada negeri atau majlis sebelum ianya diangkat menjadi satu structural plan bagi kawasan tersebut. Oleh itu, segala pandangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai misalan yang berlaku di kawasan Tanjong Malim dan juga di kawasan-kawasan yang lain yang mungkin telah berlaku sebelum ini, tidak akan lagi berulang pada masa-masa yang akan datang.

Perlu juga saya nyatakan bahawa jalan-jalan yang sedang dirancang, sama ada jalan-ialan negeri mahupun jalan-jalan Persekutuan, dirancang begitu rupa supaya mengambil kira semua

keperluan Kerajaan Negeri dan juga orang-orang awam. Jadi, apa juga yang telah dirancang sebelum ini dan yang akan dilaksanakan selepas ini akan mengambil kira kehendak dan keperluan masa, sama ada hari ini ataupun jangka masa yang lebih jauh ke hadapan seperti juga yang terdapat di dalam wawasan negara pada hari **ini**.

Mengenai perkara kedua, kelulusan yang telah diberikan oleh Kerajaan yang terdahulu daripada ini yang khususnya Kerajaan Negeri Selangor kepada pelan-pelan tambahan ke atas mana-mana bangunan yang sebelum ini dikawalselia oleh Kerajaan Negeri Selangor dan pada masa ini di bawah bidangkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada lazimnya hendaklah dipatuhi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana kelulusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini adalah satu kelulusan yang sah dari segi undang-undang *dan* sebarang arahan tidak mengesahkan kelulusan itu, bagi pandangan saya, adalah bertentangan dengan amalan yang berkuatkuasa pada masa ini. Mungkin apa yang berlaku, pelan tambahan atau awning dan sebagainya yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini telah menjangkau, apa yang berlaku sebenarnya kelulusan yang diperolehi dan apa yang dilakukan oleh tuan punya bangunan berbeza dengan pelan yang telah diluluskan. Jika ini berlaku, maka sudah tentulah pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berhak untuk mengarah mana-mana tuan punya bangunan untuk menentukan bahawa sebarang tambahan kepada bangunan yang telah diluluskan mestilah mendapat kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Mengenai perkara ketiga, soal infrastruktur yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan mengakibatkan meningkatnya harga tanah. Ini adalah satu nikmat yang diperolehi oleh rakyat kita disebabkan kepesatan, pembangunan yang berlaku di seluruh negara. Kerajaan akan senantiasa menentukan bahawa nikmat ini akan terus diperolehi oleh rakyat dan kita harap akan membawa sedikit-sebanyak kebaikan, bukan sahaja kepada tuanpunya tanah tetapi juga kepada pengguna-pengguna yang boleh mendapat nikmat sampingan daripada pembangunan yang dijalankan di sesuatu kawasan itu.

Jadi, kita juga mengambil perhatian segala pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Fahim Baba dan saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yeng Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Pang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan dituluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 1993****Bacaan Kali Yang Redua dan Ketiga****5.55 ptg.**

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1974, Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang Akta Jalan, Parit dan Bangunan, yang seterusnya telah diwartakan untuk berkuatkuasa. mulai 13hb Jun, 1974. Seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembedungan, 1993 yang saya bentangkan pada sebentar tadi dan yang telah diluluskan, dengan jelas menerangkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengambilalih tanggungjawab terhadap sistem pembedungan di seluruh negara daripada pihak berkuasa tempatan. Selaras dengan pengambilalihan tanggungjawab tersebut, maka adalah perlu satu pindaan dibuat kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, supaya pihak berkuasa tempatan tidak lagi dipertanggungjawab terhadap sistem pembedungan di negara ini.

Pindaan yang dicadangkan adalah melibatkan Bahagian III, seksyen-seksyen 3, 46, .49, 51, 53, 54, 55, 58, 60, 62, 63, 64, 70, 77, 81, 132 dan 133 seperti berikut:-

- (a) Seksyen 3, Akta Ibu adalah dipinda:

- (i) dengan memasukkan selepas sahaja takrif 'bangunan' dengan takrif baru yang berikut:-

"Betung" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Pembedugan 1993;

- (ii) dengan memasukkan selepas sahaja takrif 'orang', takrif baru yang berikut:-

"paip sambungan persendirian" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Pembedugan 1993; dan

- (iii) dengan memasukkan selepas sahaja takrif 'siar kaki', takrif baru yang berikut:-

"sistem pembedugan" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Pembedugan 1993.

- (b) Seksyen 46, Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "betung" dalam perenggan (b) subseksyen (1).
- (c) Bahagian III Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "PETUNG DAN" dalam subtajuk.
- (d) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 49.
- (e) Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda -
- (i) dengan memotong perkataan "betung" dalam nota birai, subseksyen (1) dan perenggan (d) dan (e) subseksyen (4);
- (ii) dengan memotong perkataan-perkataan "atau lain-lain betung itu" dalam subseksyen (1); dan



(iii) dengan memotong perkataan "betung" dalam subseksyen (3).

(f) Seksyen 53 Akta ibu adalah dipinda -

(i) dengan menggantikan.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak sebut semua dalam itu? Saya ingat sebut "sebagaimana yang ada dalam Bil ini" Kalau tidak, semua hendak kena dibaca.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Ya, saya ingat begitulah, tak payah. Saya ingat apa yang saya mahu baca, Tuan Yang di-Pertua, adalah sudah terdapat di dalam naskhah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Jadi, boleh kita dapat seorang penyokong, ya! .

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini dipercayai perkara-perkara berkaitan pembedungan telah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan pembedungan akan berjalan dengan lebih berkesan, sempurna dan terjamin, di samping dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar dan air oleh kumbahan pada tahap yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. **[Tiada perbahasan]**

Tidak ada perbahasan. Jadi, kita kira tidak ada jawapan daripada Timbalan Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 17** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan, dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANGUNDANG-UNDANG WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
(PINDAAN ORDINAN KESIHATAN AWAM) 1993**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.01 ptg.**

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesihatan Awam Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kesihatan Awam) 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1985 Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesihatan Awam Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kesihatan Awam) 1985.

Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembedugan 1993 yang saya bentangkan sebentar tadi dan yang telah diluluskan dengan jelas menerangkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju mengambilliah tanggungjawab terhadap sistem pembedugan seluruh negara daripada pihak berkuasa tempatan.

Selaras dengan pengambilalihan tanggungjawab tersebut, maka adalah perlu suatu pindaan dibuat kepada Ordinan Kesihatan Awam Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kesihatan Awam) 1985 yang melibatkan seksyen-seksyen 110, 111, 112, 116, 117, 118, 119, 121, 121A, 122, 123, 125, 128, 130, 131 dan 132 seperti yang terdapat di dalam naskah yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini dipercayai perkara-perkara berkaitan dengan pemetungan telah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan bukan lagi pihak berkuasa tempatan. Sehubungan dengan ini, perkhidmatan pemetungan akan berjalan dengan lebih berkesan, sempurna dan terjamin di samping dapat mengurangkan pencemaran air oleh kumbahan pada tahap yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr. Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Kesihatan Awam Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kesihatan Awam) 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. **[Tiada perbahasan]** Tidak ada perbahasan. Jadi, tidak perlu dijawablah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 16** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
(PINDAAN ORDINAN KERAJAAN TEMPATAN) 1993**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.09 ptg.**

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1984 Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang suatu Akta

untuk meminda Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984 yang seterusnya telah diwartakan untuk berkuatkuasa mulai 16hb April, 1984.

Seperti Tuan Yang di-Pertua, sedia maklum Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembedugan 1983 yang saya bentangkan sebentar tadi dan telah diluluskan dengan jelas rnenerangkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengambilalih tanggungjawab terhadap sistem pembedugan seluruh negara daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Selaras dengan pengambilalihan tanggungjawab tersebut, maka suatu pindaan perlu dibuat kepada Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984 supaya Pihak Berkuasa Tempatan tidak lagi bertanggungjawab terhadap sistem pemetungan di negara ini. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini melibatkan seksyen-seksyen 49, 83 dan 97.

Tuan Yang di-pertua, dengan adanya pindaan ini, dipercayai perkara-perkara berkaitan pemetungan telah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan bukan lagi pihak berkuasa tempatan. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan pemetungan akan berjalan dengan lebih berkesan, sempurna dan terjamin di samping dapat mengurangkan pencemaran air dan alam sekitar oleh kumbahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Kerajaan

Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

**6.12 ptg.**

**Tuan Haji Mohamed Nazri bia Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi kasempatan kepada saya untuk membahaskan perkara ini.

Saya berdiri untuk menyatakan iaitu bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini, yang mana seperti kita semua sedia maklum hasil daripada kita meluluskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembedungan ini, maka banyaklah perkara-perkara yang berbangkit di dalam Akta-akta yang lain terpaksa dipinda sama bagi tujuan untuk menyelaraskan undang-undang atau akta-akta yang lain supaya mengikut sama seperti yang ada dalam Rang Undang-undang Perkhidmatan Pembedungan ini.

Tuan Yang di-Partua, ada satu perkara yang ingin saya bangkitkan di sini, iaitu berkenaan dengan town planning, ia ada kaitan dengan rancangan berkenaan dengan pembedungan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Labuan ini.

Yang membimbangkan saya ialah berkenaan dengan pencemaran kepada api yang telah saya sebut sebentar tadi iaitu berkenaan



dengan pencemaran udara.

Saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan takungan najis (oxidation pond) yang diletak bukan di bawah tanah, tetapi above ground. Dan jawapan yang telah diberi sebentar tadi iaitu mengatakan bahawa pada peringkat ini oxidation pond ini adalah satu cara yang terbaik, yang dilaksanakan oleh pihak kita bagi tujuan untuk memperbaiki sistem pembetungan ini yang a'a dalam negara kita.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya juga pernah melawat ke negara-negara barat. di mana kemungkinan di dalam lawatan saya, saya tidak terjumpa dengan oxidation poad di negara-negara berkenaan. Kalau kita anggapkan iaitu negara di barat itu sudah tentu mengamalkan satu sistem yang mungkin lebih baik daripada kita, disabit oleh kerana dalam perancangan bandar dan desa negara mereka itu lebih maju daripada kita, sudah tentu mereka mempunyai satu sistem yang lebih baik daripada yang dilaksanakan oleh kita. Maksud saya di sini iaitu bahawa saya tidak ternampak semasa saya menaiki kapalterbang dan turun, katalah sebagai contoh di London, di New York, saya tidak nampak satu kawasan yaag mana dikatakan oxidation pond. Ini bermakna bahawa sistem yang digunakan oleh negara barat itu, mereka telah melaksanakan satu sistem yang tidak memerlukan kepada osidation pond, bermakna mereka mempunyai satu sistem yang lain, yang mana takungan najis ini tidak diperlukan dalam sistem

pembetulan mereka. Maka inilah yang saya mahu, kalau ianya dilaksanakan di negara barat, yang tidak memerlukan kepada oxidation pond ini, mengapa sistem yang sama itu tidak boleh dilaksanakan di negara kita. Jadi, agak sukar untuk saya menerima jawapan yang mengatakan iaitu bahawa inilah cara yang terbaik, dan oleh kerana itu kita melaksanakan sistem ini,

Sepertimana yang telah saya sebut sebentar tadi, di negara barat mereka melaksanakan satu sistem yang lain, yang tidak memerlukan kepada oxidation pond. Kalau sekalipun perlu mungkin oxidation pond itu ditutup.

Saya tidak boleh menerima kalau ada yang mengatakan iaitu bahawa apa yang dikatakan teknik yang digunakan, yang menyebabkan dengan adanya oxidation pond ini ia dapat menghalang pencemaran udara daripada segi bau. Kalau kita dapat menghalang daripada segi baunya, tetapi penglihatannya macam mana? Sebab kalau kita duduk di kondominium sebagai contoh. Saya beri contoh yang benar, yang ada iaitu seperti di Taman Tun Dr. Ismail, kita lihat kondominium dibina bertingkat dan daripada pemandangan kita, kita dapat melihat oxidation pond yang ada di hadapan kita, yang wujud di situ, mungkin kita selesai masalah baunya, yang saya percaya pun tidak selesai, Saya tidak tahan kalau pergi ke Taman Tun Dr. Ismail, di situ ada satu kondominium dan pandangan kondominium itu menghala kepada oxidation pond. Dan kita tahu di situ ada oxidation pond, takkah kita hendak cadang, kalau terbuka balconynya menghala ke oxidation

pond, kita tidak boleh mengatakan anggaplah ini sebagai satu tasik sahaja. Macam mana kita hendak anggap sebagai satu tasik kalau kita tahu di situ tempat takungan najis, jadi ini masalahnya. Katalah selesai baunya, tetapi daripada penglihatan masih ada dan saya merasakan iaitu bahawa kita perlu memikirkan satu cara macam mana kita mesti selesai perkara ini, sebab Kita hendak supaya orang tinggal dalam kawasan itu, iaitu kawasan perumahan tetapi malangnya di situ juga kita hendak adakan takungan. Jadi, saya rasa bahawa suka atau tidak suka pihak Kementerian mesti pergi melawat ke luar negeri, melihat dan bertanya kepada mereka di sana, bagaimana mereka menghadapi masalah seperti itu. Saya pergi ke sana, saya tidak nampak oxidation pond ini di sana, kalau ada sekalipun mungkin ditutup atau sebagainya dan saya percaya mesti ditutup,

Saya tidak yakin bahawa sebagaimana Kementerian menjawab sebentar tadi iaitu kita ada sistem yang mana boleh membendung perkara ini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua pernah pergi ke Kampung Pasir? Apabila kita lalu di situ kita tidak tahan baunya. Ini bermakna, Kentenzenan gagal dari segi untuk mengatasi masalah pencemaran udara daripada segi baunya. Macam mana hendak beri tahu kepada kita bahawa sistem yang ada ini adalah sistem yang terbaik. Sebab itu dalam perkara ini saya minta supaya Kementerian mengambil perhatian serius. Sebab pencemaran udara dari segi bau dan penglihatan kita, saya rasa tidak patut kalau kita tidak mengatasi masalah ini. Kita mesti bekerja ke arah untuk menyelesaikan masalah ini, apatah lagi di Labuan. Senator Labuan ada di sini.

Kita hendak menjadikan Labuan sebagai satu pulau di mana kita menggalakkan orang daripada luar negeri untuk melabur dan membuka institusi-institusi kewangan di peringkat internasional. Maka oleh kerana itu, saya merasakan, suka tidak suka kita tidak boleh menerima iaitu sistem takungan 'above the ground' itu sebagai satu sistem yang terbaik dan harus diterima oleh kita. Mungkin juga kita boleh terima, tetapi oleh kerana Labuan ini kita hendak menjemput orang luar datang, maka kita kena pastikan supaya perkara ini tidak akan berlaku dan kita mencari satu jalan di mana oxidation pond ini kalau perlu 'above the ground' sekali pun, mestilah ditutup supaya orang-orang daripada luar negeri tidak akan melihat negara kita sebagai sebuah negara yang kebelakangan dari segi sistem pembetungan ini.

Itu sahajalah yang saya hendak ucapkan dan saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Rahim, silakan.

**6.23ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba;** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahas dan juga seterusnya menyokong Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan Labuan (Pindaan Ordinan Kerajaan Tempatan) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Akta ini sebagaimana yang telah pun termaktub di dalamnya ada berhubung-kait rapat dengan Akta Perkhidmatan Pembedugan 1993 seperti yang telah pun dibentangkan dan diluluskan di Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh dan membincangkan Akta ini, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai soal pembedugan kerana tadi saya tidak berkesempatan untuk memberikan pandangan semasa perbahasan Akta Perkhidmatan Pembedugan 1993.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian khasnya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai soal pembedugan **ini**, khasnya soal pembedugan di suatu kawasan yang tertentu, iaitu

soal pembentungan di Bandar Tun Razak, Cheras di mana kawasan perumahan ini merupakan "cluster houses" yang telah pun dibina oleh pihak Dewan Bandaraya sejak 10 tahun yang lalu di mana di dalam pembinaan rumah murah **ini**, sistem pembentungannya dibina ialah di mana 4 buah rumah terpaksa berkongsi satu sewerage ataupun satu pembentungan dan mereka yang duduk di kawasan perumahan ini dikehendaki membayar bil pembentungan. Apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah bil pembentungan ini dikira mengikut jumlah banyaknya air yang dipakai dan dimasukkan bersama-sama dengan bil-bil kegunaan air paip yang biasa. Apa yang menjadi sungutan penduduk-penduduk di sini ialah apabila bil-bil pembentungan dan bil-bil air yang digunakan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkataan itu "betungan" bukan "bentung".

**Tuan Rahim bin Baba:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betung, betung-

**Tuan Rahim bin Baba:** Oh! betung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bukan "pembentung". Dalam Akta ini ditulis "betung".

**Tuan Rahim bin Baba:** Tetapi saya percaya Timbalan Menteri faham apa yang saya sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya teringat kepada 'Bentong Kali'.

**Tuan Rahim bin Baba:** Oh! I see. "Betung", ya? Dalam bil pembentungan ini apabila dikira sedemikian rupa, bilanya adalah terlalu tinggi kerana dari segi pengiraan Jabatan Bekalan Air umpamanya, kalau 100 meter padu yang pertama dikenakan RM1 dan 100

meter yang kemudian dikenakan RM1.50 **sen**. Oleh kerana **bil-bil** ini disatukan, jadi, mereka yang **terdiri** daripada yang berpendapatan rendah terpaksa membayar **bil-bil** pementungan yang **tinggi**. Apa yang diharapkan oleh penduduk-penduduk di sini ialah supaya di antara bil air dan bil pementungan ini dapat diasingkan di antara kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah yang dapat saya jelaskan dan saya berharap akan mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, **sil**.

#### **6.28 ptg.**

**Tuan Osu bin Baji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Yang Berhormat Rahim Baba yang telah mengambil bahagian di dalam **per-**bahasan Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan,

Seperci yang saya nyatakan, oxidation pond yang terdapat hari ini di negara kita adalah yang terbaik jika sekiranya diselenggarakan dengan baik dan berdasarkan kepada peruntukan dan juga kemahiran yang terdapat di negara kita pada hari **ini**. Saya bersetuju dengan pandangan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat

Tuan Haji Nazri apabila beliau melancong ke negara-negara Barat tidak ternampak atau mungkin tidak terdapat oxidation pond di negara-negara tersebut. Ini mungkin kerana keadaan cuaca yang berbeza di antara negara-negara Barat dan negara kita kerana di negara Barat seperti yang kita sedia maklum tidak mendapat banyak sinaran matahari dan tentulah oxidation pond ini tidak sesuai. Lagi pun seperti kawasan Kotaraya New York di mana kawasan tanahnya terhad, maka sudah tentulah sistem oxidation pond itu bukan sahaja tidak sesuai tetapi juga tidak boleh dilaksanakan di negara-negara atau bandar-bandar yang tidak mempunyai kawasan yang luas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya harap boleh sambung jawapan besok, ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang kerana ada satu usul penangguhan akan dibuat. Silakan.



**USUL**

**PENANGGUHAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Haji Mustapa bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 15 (3),

Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**UCAPAN PENANGGUHAN**

**Rumah-rumah Yang Sub-atandard -Masalah yang dihadapi oleh Pembeli-pembeli**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Sri Samsa Pasamanickam.

**6.31 ptg.**

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk membangkitkan satu hal beskeanaan dengan perumahan dalam Dewan ini.

Saya sebagai rakyat Malaysia bersyukur kepada Kerajaan yang telah mengutaraakan projek perumahan dalam pembinaan negara supaya semua lapisan masyarakat Malaysia dapat menikmati kemudahan perumahan tnengikut kategori pendapatan masing-masing. Tidak ada orang Malaysia yang tidak **ada**, dengan izin, "roof over their heads" Kita ada rumah pangsa, rumah panjang, rumah terrace, rumah berkembar, rumah banglo, rumah murah, pangsapuri, kondominium dan sebagainya.

Rakyat Malaysia dapat peluang untuk membeli rumah mengikut kemampuan masing-masing. Di sini, saya mengucapkan penghargaan kepada Kerajaan atas usaha untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat. Tetapi, pembeli rumah dalam skim-skim perumahan masih menghadapi banyak kesulitan selepas mereka membuat tempahan untuk membeli sebuah rumah dari si pemaju. Kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan oleh pihak pemaju dan bayaran dibuat oleh pembeli rumah secara berperingkat mengikut perjanjian jual-beli.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pembeli rumah adalah orang biasa atau, dengan izin, laymen, dalam hal pembinaan. Kerja itu dijalankan oleh kontraktor dan diawasi oleh pihak Kerajaan Tempatan, jurutera dan sebagainya. Si pembeli mengharapkan mereka supaya menunaikan kerja mengikut spesifikasi dalam pelan yang diluluskan. Tetapi, baru-baru ini terdapat satu kes di Skudai, Negeri Johor di mana pembeli rumah telah memeriksa kerja-kerja yang telah siap seperti lantai, dinding dan bumbung dengan seorang kawannya yang berkelulusan kejuruteraan pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, beliau mendapat tahu pembinaan lantai dan 'driveway' itu tidak mengikut pelan yang diluluskan, Spesifikasi adalah 100 milimeter hardcore dan 100 milimeter simen untuk lantai, tetapi pembinaan itu tidak cukup 100 milimeter. Dan anggaran untuk membetulkan keadaan itu adalah RM4,500.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di sebuah rumah **itu**, telah menimbulkan keraguan di kalangan pembeli rumah yang **lain**. Bolehkah mereka mempercayai si pemaju yang berkenaan? Bolehkah mereka mengharapkan pihak-pihak berkuasa Kerajaan yang diamanahkan untuk menjaga pembinaan itu mengikut spesifikasi dalam perjanjian jual-beli? Berapakah keuntungan yang diperolehi oleh kontraktor itu dengan pembinaan yang sub-standard itu? Dan lebih-lebih lagi, adakah rumah itu selamat untuk didiami oleh keluarga? Sekarang terdapat banyak kes rumah-rumah yang baru di mana dinding dan lantai mula meretak sebelum diduduki oleh pemilik-pemilik rumah itu. Biasanya keadaan keretakan berlaku dalam sesuatu mala petaka, seperti gempa bumi.

Apa yang khuatir adalah kerja-kerja sub-standard di bangunan-bangunan yang dikunjungi oleh orang ramai dan kanak-kanak, seperti hospital dan sekolah. Apa akan jadi kalau bangunan itu runtuh?

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kelulusan mesti diberi kepada setiap peringkat pembinaan, adakah ini bererti pihak-pihak yang terlibat dalam hal menetapkan kualiti pembinaan itu cuai dalam

menjalankan tugas mereka? Di sini saya menyeru supaya hak-hak pengguna dijaga dan perlindungan dan keselamatan diberi keutamaan. Janganlah membiarkan objektif Kerajaan yang suci itu dicemarkan oleh pihak-pihak industri yang tidak beretika atau bernilai yang murni. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**6.37 ptg.**

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli boleh dibahagikan kepada dua kumpulan besar, iaitu masalah teknikal dan bukan teknikal.

Masalah bukan teknikal yang boleh diambil tindakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap pemaju perumahan adalah pelanggaran Akta dan Peraturan Pemaju Perumahan.

Di antaranya termasuklah kutipan wang tempahan (deposit) sebelum Surat Perjanjian Jual-Beli (SPJB) ditandatangani, menggunakan Surat Perjanjian Jual-Beli yang berbeza dengan yang telah ditetapkan, pemaju tidak berlesen dan lain-lain lagi,

Pemaju-pemaju yang didapati telah melakukan kesalahan-kesalahan ini akan dihadapkan ke mahkamah.

Yang kedua, masalah yang berbentuk teknikal pula adalah seperti kecacatan mutu kerja, pengeluaran Sijil Layak Menduduki Bangunan, bekalan perkhidmatan elektrik, air dan bomba, penyelewengan pelan dan infrastruktur. Masalah-masalah ini dan juga beberapa lagi masalah bukan teknikal seperti kelewatan penyerahan rumah, tuntutan

faedah oleh pemaju, tuntutan ganti rugi oleh pembeli. dan sebagainya adalah tidak berkaitan dengan pelanggaran Akta dan Peraturan Pemaju Perumahan.

Bagi masalah teknikal ini, kes akan dirujuk kepada pihak-pihak lain seperti pihak berkuasa tempatan, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain yang mempunyai bidang kuasa di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan, Undang-undang Kecil Bangunan, Akta Kerajaan Tempatan dan sebagainya.

Ada pun bagi aduan mengenai mutu kerja, tuntutan faedah serta ganti rugi pula, ianya adalah merupakan soal kontrak yang telah dipersetujui bersama di dalam Surat Perjanjian Jual-Beli. Apabila berlaku pemungkiran kontrak (breach of contract), tuntutan hendaklah dibuat oleh pihak yang mengalami kerugian; dan jika tidak penyelesaian dicapai, Kementerian akan menasihatkan pengadu supaya membuat tuntutan sivil melalui mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul Penangguhan tadi dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 15(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.**

